



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KAMUS KPI POLYCC 2026

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
Kementerian Pendidikan Tinggi
Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya.
Tel.: 03-8888 2250 | Fax.: 03-8888 7211



POLYCC Performance System 2.0
<https://app.mypolycc.edu.my/persistjppkk>

KAMUS
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (*KEY PERFORMANCE INDICATOR*, KPI)
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCC)
2026



Bahagian Governan dan Kecemerlangan
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya.
Tel.: 03-8888 2250
Fax.: 03-8888 7211

Diterbitkan oleh:

Bahagian Governan dan Kecemerlangan
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya.
Tel.: 03-8888 2250 | Fax.: 03-8888 7211
www.mypolycc.edu.my

© 2026 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi terlebih dahulu.



ISI KANDUNGAN

01 Ringkasan Eksekutif

02 Visi dan Misi

03 Carta Organisasi

04 Peranan Pegawai

06 Garis Masa
Pengisian Data

07 Kategori Institusi -
Politeknik

08 Kategori Institusi -
Kolej Komuniti

09 Senarai Pernyataan
KPI

12 KPI 1 -
Kebolehpasaran
Graduan

15 KPI 2 - Intervensi
Kebolehpasaran
Graduan

18 KPI 3 - Projek
Keusahawanan
Pelajar

21 KPI 4 - Kejayaan Pelajar

25 KPI 5 - Pembangunan
Pelajar

28 KPI 6 - Pengiktirafan

31 KPI 7 - Kesejahteraan
Mental dan Fizikal

33 KPI 8 - Skor Kualiti Data
POLYCC

36 KPI 9 - Pendaftaran Pelajar
Kolej Komuniti

39 KPI 10 - Enrolmen Pelajar
Politeknik

42 KPI 11 - Prestasi
Perbelanjaan Mengurus

44 KPI 12 - Prestasi Pengurusan
Pembayaran Bil dan Tuntutan

46 KPI 13 - Pensyarah Memiliki
Kemahiran Industri

49 KPI 14 - Bahan dan Platform
Pembelajaran Digital

ISI KANDUNGAN

52

KPI 15 - Skor Centre of Technology (COT)

56

KPI 16 - Skor Industry on Campus (IOC)

59

KPI 17 - Kolaborasi Berimpak Tinggi

62

KPI 18 - Projek RDICE

66

KPI 19 - Kursus PSH Berstruktur

68

Wajaran

70

Singkatan

71

Sidang Redaksi

72

Penghargaan

73

Pengesahan

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kamus KPI POLYCC 2026 merupakan panduan utama kepada jabatan dan POLYCC untuk memastikan pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*, KPI) POLYCC selaras dengan visi dan misi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Dokumen ini dibangunkan berasaskan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018–2025 dan dirangka agar seiring dengan hala tuju strategik pengurusan tertinggi JPPKK, menjadikan KPI sebagai alat pengukuran prestasi yang strategik, bersepadu, dan berkesan.

Sebanyak 19 KPI POLYCC 2026 telah dibangunkan berdasarkan tujuh (7) Teras Strategik dan 11 Objektif Strategik (OS) seperti berikut:

Teras 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti

- OS 1.1: Menghasilkan graduan yang berkualiti dan mengikut/menepati keperluan industri
- OS 1.2: Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepadu
- OS 1.3: Melahirkan graduan berciri global

Teras 2: Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan

- OS 2.1: Melestarikan tadbir urus yang berakuntabiliti dan cekap
- OS 2.2: Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC
- OS 2.3: Meningkatkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah

Teras 3: Pemerkasaan Bakat

- OS 3.1: Mempergiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan

Teras 4: Pemantapan Program Pengajian

- OS 4.1: Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian

Teras 5: Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti, dan Alumni

- OS 5.1: Memperkukuh jaringan industri-institusi

Teras 6: Membudaya Penyelidikan dan Inovasi

- OS 6.1: Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi, dan pemindahan teknologi

Teras 7: Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat

- OS 7.1: Melahirkan komuniti berkemahiran

Pelaksanaan KPI ini melibatkan keseluruhan 36 buah politeknik dan 91 buah kolej komuniti. Proses pemantauan serta penilaian dilaksanakan secara dalam talian melalui Sistem PERSYST 2.0. Sebanyak lapan (8) KPI dilaporkan secara tahunan manakala sebelas (11) KPI dilaporkan secara sukuan membolehkan pemantauan prestasi berterusan dan intervensi tepat pada masanya. Kamus KPI POLYCC 2026 bukan sahaja berperanan sebagai dokumen rujukan utama, tetapi juga sebagai alat strategik untuk menjamin ketelusan dan keseragaman dalam pelaporan prestasi, selain memperkukuh tadbir urus prestasi di seluruh institusi. Dengan pendekatan ini, Kamus KPI POLYCC 2026 diharapkan dapat menjadi pemacu perubahan berasaskan prestasi dan memperkukuh budaya berorientasikan hasil sejajar dengan aspirasi strategik 2026.

VISI



Menjadi peneraju institusi TVET
yang unggul.

MISI



Menyediakan akses
yang meluas kepada
program TVET
berkualiti dan
diiktiraf.

01



Memperkasa
komuniti melalui
pembelajaran
sepanjang hayat.

02



Melahirkan graduan
holistik, berciri
keusahawanan, dan
seimbang.


03




Memanfaatkan
sepenuhnya
perkongsian pintar
dengan pihak
berkepentingan.

04

CARTA ORGANISASI



PERANAN PEGAWAI



Unit Kecemerlangan Institusi (UKI), Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK), JPPKK

- Sekretariat yang menyelaras penetapan, pemantauan dan pelaporan pencapaian KPI POLYCC;
- Menterjemahkan kerangka KPI ke dalam Sistem PERSYST 2.0, termasuk sasaran, teras strategik, objektif strategik, struktur pelaporan dan lain-lain yang berkaitan;
- Memastikan maklumat sentiasa terkini dan selaras dengan arahan serta perubahan dasar semasa; dan
- Memastikan kelancaran operasi sistem serta menyediakan sokongan teknikal dan latihan asas kepada pengguna sistem di peringkat POLYCC dan JPPKK.

Pemilik Proses

- Bertanggungjawab melaksanakan validasi data pencapaian institusi melalui Sistem PERSYST 2.0; dan
- Menjawab isu-isu berkaitan KPI masing-masing.

PERANAN PEGAWAI

Pegawai Bertanggungjawab

- Memastikan pelaksanaan KPI mengikut perancangan Pemilik Proses di jabatan dan penetapan di dalam Kamus KPI POLYCC; dan
- Menyerahkan data pencapaian mengikut KPI masing-masing kepada Penyelaras KPI.

Penyelaras KPI

- Mendapatkan data pencapaian daripada Pegawai Bertanggungjawab di POLYCC;
- Merekodkan maklumat data pencapaian ke dalam Sistem PERSYST 2.0;
- Memaklumkan status pencapaian kepada pihak pengurusan tertinggi POLYCC; dan
- Menyimpan rekod pencapaian, sama ada dalam bentuk digital atau salinan fizikal, untuk tujuan rujukan masa hadapan di institusi.

Pautan POLYCC Performance System (PERSYST 2.0):

<https://app.mypolycc.edu.my/persistjppkk/>

GARIS MASA PENGISIAN DATA



KATEGORI INSTITUSI - POLITEKNIK

Kategori 1

1. Politeknik Ibrahim Sultan
2. Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
3. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
4. Politeknik Ungku Omar

Kategori 2

1. Politeknik Kota Bharu
2. Politeknik Kota Kinabalu
3. Politeknik Kuching Sarawak
4. Politeknik Merlimau Melaka
5. Politeknik Port Dickson
6. Politeknik Seberang Perai
7. Politeknik Sultan Azlan Shah
8. Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
9. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
10. Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Kategori 3

1. Politeknik Melaka
2. Politeknik Mersing Johor
3. Politeknik Muadzam Shah
4. Politeknik Mukah
5. Politeknik Nilai
6. Politeknik Sultan Idris Shah
7. Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
8. Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

Kategori 4

- | | |
|--|------------------------------------|
| 1. Politeknik Balik Pulau | 9. Politeknik METrO Johor Bahru |
| 2. Politeknik Banting Selangor | 10. Politeknik METrO Kuala Lumpur |
| 3. Politeknik Besut Terengganu | 11. Politeknik METrO Kuantan |
| 4. Politeknik Hulu Terengganu | 12. Politeknik METrO Tasek Gelugor |
| 5. Politeknik Jeli Kelantan | 13. Politeknik Sandakan Sabah |
| 6. Politeknik Kuala Terengganu | 14. Politeknik Tawau Sabah |
| 7. Politeknik Maritim Sultan Nazrin Shah | |
| 8. Politeknik METrO Betong Sarawak | |

KATEGORI INSTITUSI

- KOLEJ KOMUNITI

Kategori 1

1. KK Arau
- Caw. Kangar
2. KK Bandar Darulaman
- Caw. Jerlun
3. KK Bandar Penawar
- Caw. Gelang Patah
4. KK Bentong
5. KK Bukit Beruang
6. KK Gerik
- Caw. Lenggong
7. KK Hulu Langat
8. KK Jasin
9. KK Jelebu
10. KK Jempol
11. KK Kepala Batas
12. KK Kuala Langat
- Caw. Sepang
13. KK Kuala Terengganu
- Caw. Hulu Terengganu
- Caw. Kuala Nerus
- Caw. Setiu
14. KK Kuantan
15. KK Kuching
16. KK Ledang
17. KK Masjid Tanah
18. KK Pasir Gudang
19. KK Pasir Salak
20. KK Paya Besar
- Caw. Maran
21. KK Rompin
22. KK Sabak Bernam
23. KK Seberang Jaya
24. KK Segamat
25. KK Segamat 2
26. KK Selandar
27. KK Selayang
28. KK Sungai Petani
29. KK Sungai Siput
30. KK Tawau
31. KK Temerloh
32. Langkawi Tourism
Academy @ KK Langkawi
33. Perak Culinary Arts
Academy @ KK Chenderoh

Kategori 2

1. KK Ampang
2. KK Bagan Datuk
3. KK Bagan Serai
4. KK Baling
5. KK Batu Gajah
6. KK Batu Pahat
7. KK Bayan Baru
8. KK Beaufort
9. KK Besut
10. KK Hulu Selangor
11. KK Jeli
- Caw. Lenggong
12. KK Jerantut
13. KK Kelana Jaya
14. KK Kluang
15. KK Kok Lanas
16. KK Kota Marudu
17. KK Kulim
18. KK Lahad Datu
19. KK Mas Gading
20. KK Miri
21. KK Padang Terap
22. KK Penampang
23. KK Pekan
24. KK Rembau
25. KK Sandakan
26. KK Sarikei
- Caw. Sibul
27. KK Taiping
28. KK Tambunan
29. KK Tampin
30. KK Tasek Gelugor
31. KK Teluk Intan

Kategori 3

1. KK Bandar Baharu
2. KK Bandar Tenggara
3. KK Bera
4. KK Betong
5. KK Bukit Mertajam
6. KK Gopeng
7. KK Jerai
8. KK Kemaman
9. KK Klang
10. KK Kota Melaka
11. KK Kota Tinggi
12. KK Kuala Kangsar
13. KK Kuala Pilah
14. KK Manjung
15. KK Muar
16. KK Nibong Tebal
17. KK Pagoh
18. KK Pasir Mas
- Caw. Rantau Panjang
19. KK Raub
20. KK Santubong
21. KK Semporna
22. KK Shah Alam
23. KK Sik
24. KK Tangga Batu
25. KK Tanjong Karang
26. KK Tanjung Piai
27. KK Tapah

PERNYATAAN KPI

KPI 1

Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti

Pemilik Proses: Nur Sabrina binti Mohd Tahar (BKIK)

Pelaporan: Tahunan



KPI 2

Peratus pelajar tahun akhir menyertai program intervensi kebolehpasaran graduan

Pemilik Proses: Nurzaimawani binti Hussin (BKIK)

Pelaporan: Sukuan

KPI 3

Bilangan projek keusahawanan pelajar berasaskan penyelesaian masalah komuniti yang menjana peluang perniagaan

Pemilik Proses: Ts. Nor Isman bin Hassan (BAPP)

Pelaporan: Sukuan

KPI 4

Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa

Pemilik Proses: Madihah binti Paiizi (BAPP)

Pelaporan: Sukuan

KPI 5

Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik

Pemilik Proses: Shamsanirul Nizam bin Ismail (BAPP)

Pelaporan: Sukuan

KPI 6

Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

Pemilik Proses: Mohammad Zahir bin Mohd Yazid (BGK)

Pelaporan: Sukuan

KPI 7

Bilangan program ke arah kesejahteraan mental dan fizikal warga POLYCC

Pemilik Proses: Ts. Fatin Shafinas binti Rokman (BGK)

Pelaporan: Sukuan

PERNYATAAN KPI

KPI 8

Skor kualiti data POLYCC

Pemilik Proses: Nurain binti Mohamad Izzuan Wong (BKTVET)

Pelaporan: Tahunan



KPI 9

Peratus pelajar sepenuh masa mendaftar di kolej komuniti berdasarkan norma ambilan

Pemilik Proses: Nur Syafiqah Zahirah binti Abdul Rahman (BAPP)

Pelaporan: Tahunan

KPI 10

Peratus enrolmen pelajar politeknik berdasarkan kapasiti

Pemilik Proses: Noor Hazimah binti Harun (BAPP)

Pelaporan: Tahunan

KPI 11

Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)

Pemilik Proses: Nor Akmaliah binti Mohd Zain (BKP)

Pelaporan: Tahunan



KPI 12

Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima

Pemilik Proses: Wan Hartiny binti Wan Abdul (BKP)

Pelaporan: Tahunan



KPI 13

Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa

Pemilik Proses: Muhammad Kamil Jazli bin Abd Wahab (BKPK)

Pelaporan: Sukuan



KPI 14

Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI yang dihasilkan oleh POLYCC

Pemilik Proses: Mohamad Sahrul Fadzlin bin Mohd Izaharuddin (BIPD)

Pelaporan: Sukuan

PERNYATAAN KPI

KPI 15

Skor prestasi pencapaian Centre of Technology (COT)

Pemilik Proses: Muhamad Ali bin Romizan (BPPI)

Pelaporan: Tahunan

KPI 16

Skor prestasi pencapaian Industry on Campus (IOC)

Pemilik Proses: Azwansyah bin Zulkifli (BPPI)

Pelaporan: Tahunan

KPI 17

Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi bagi memperkuat sinergi institusi-industri

Pemilik Proses: Norazmira binti Zainuddin (BKIK)

Pelaporan: Sukuan

KPI 18

Bilangan projek *Research, Development, Innovation, Commercialization and Economy* (RDICE) yang diaplikasikan kepada pemegang taruh

Pemilik Proses: Ts. Kalaivani a/p Ramachandran (PPI)

Pelaporan: Sukuan

KPI 19

Bilangan modul kursus PSH berstruktur dibangunkan oleh POLYCC

Pemilik Proses: Md Idris bin Isa dan Nurzaini binti Razali (BKIK)

Pelaporan: Sukuan



Data pencapaian KPI dimuat naik ke dalam Sistem PERSYST 2.0 oleh pemilik proses.

KPI 1 - PERATUS KEBOLEHPASARAN GRADUAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik:

1.1 Menghasilkan graduan yang berkualiti dan mengikut/menepati keperluan industri.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi menyokong Pelan Tindakan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) dan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025, dengan tujuan mengenal pasti status pekerjaan graduan selepas menamatkan pengajian.

Ia berperanan sebagai ukuran kepada keupayaan politeknik dan kolej komuniti yang menghasilkan graduan berkualiti serta memenuhi permintaan tenaga kerja industri.

KPI ini mengukur kebolehpasaran graduan yang merujuk kepada keupayaan graduan untuk dipasarkan dalam industri, merangkumi status:

- i. Graduan bekerja;
- ii. Melanjutkan pengajian;
- iii. Meningkatkan kemahiran; atau
- iv. Menunggu penempatan pekerjaan

semasa Kajian Pengesanan Graduan dijalankan pada tahun semasa melalui SKPG TVET.

Pengukuran ini melibatkan pelajar yang telah mendapat pengesahan tamat pengajian melalui Mesyuarat Lembaga Peperiksaan Politeknik dan Kolej Komuniti dan telah melepasi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan tamat pengajian. Data diperoleh melalui Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG TVET) dan dilaporkan secara tahunan.

KPI 1 - PERATUS KEBOLEHPASARAN GRADUAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik			Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier/APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
2023	96.8%	97.3%		97.8%	96.3%	97.5%	99.4%
2024	97.5%	97.3%		97.8%	96.3%	97.5%	99.4%
2025	APEX/Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
	97.7%	97.6%	97.8%	99.1%	98.3%	97.6%	98.2%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Sasaran KPI merujuk kepada Pelan Tindakan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) dan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 serta berorientasikan trend pencapaian kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti.

Kaedah Pengukuran:

- Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus kebolehpasaran graduan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Jumlah responden yang bekerja + melanjutkan pengajian + meningkatkan kemahiran + menunggu penempatan pekerjaan semasa tempoh kajian

Denominator: Jumlah keseluruhan responden dalam Kajian Pengesanan Graduan

KPI 1 - PERATURAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

- ii. Kadar responden yang perlu dicapai oleh setiap POLYCC adalah sebanyak 85%;
- iii. Peratus padanan pekerjaan graduan yang perlu dicapai oleh setiap POLYCC adalah sebanyak 50%;
- iv. Padanan pekerjaan graduan merujuk kepada graduan politeknik dan kolej komuniti yang bekerja dengan majikan dan mengikut bidang pengajian atau yang setara dengan kelayakan bidang pengajian semasa kajian SKPG TVET dijalankan; dan
- v. Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus padanan pekerjaan graduan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Bilangan responden yang bekerja dalam bidang

Denominator: Jumlah keseluruhan responden bekerja dalam Kajian Pengesanan Graduan

Cut-off date adalah pada 12 Disember 2026 dengan mengambil kira peratus SKPG TVET dan SKPG 2.0.

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Pemilik Proses di BKIK

(Dokumen bukti tidak perlu dimuat naik oleh penyelaras KPI dalam Sistem PERSYST 2.0).

Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Pengesanan Graduan di POLYCC.

Pemilik Proses:

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK).

KPI 2 - PERATUS PELAJAR TAHUN AKHIR MENYERTAI PROGRAM INTERVENSI KEBOLEHPASARAN GRADUAN

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik

1.1 Menghasilkan graduan yang berkualiti dan mengikut/menepati keperluan industri.

Definisi Operasi:

KPI ini diperkenalkan bagi memperkukuh keupayaan institusi dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berdaya saing, tetapi juga memiliki kompetensi profesional. Kompetensi ini merangkumi keupayaan untuk bertindak, berfikir, berkomunikasi dan membuat keputusan secara beretika, efektif serta berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab profesional.

Usaha ini secara tidak langsung akan meningkatkan nilai tambah graduan selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa. KPI ini bertindak sebagai pemangkin kepada agenda nasional dalam memperkasa kebolehpasaran graduan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik yang menyokong Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023–2030, Pelan Tindakan Pengajian Tinggi 2022–2025, dan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (GE) 2021–2025.

Matlamat utamanya adalah untuk memastikan pelajar tahun akhir dilengkapi dengan kemahiran teknikal, insaniah, serta kompetensi profesional yang mampu merapatkan jurang antara keperluan industri dan kebolehpasaran sebenar graduan sebelum menamatkan pengajian. Secara tidak langsung, menyumbang kepada pengukuhan reputasi politeknik dan kolej komuniti sebagai institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang kompetitif, inklusif, dan berimpak tinggi.

KPI ini mengukur peratusan pelajar tahun akhir yang menyertai program intervensi kebolehpasaran graduan, iaitu pelajar:

- i. Berstatus aktif dalam dua (2) semester terakhir pengajian; dan
- ii. Disahkan hadir serta melengkapkan sekurang-kurangnya satu (1) program intervensi kebolehpasaran yang dianjurkan atau dilaksanakan oleh institusi, syarikat atau agensi berkaitan.

KPI 2 - PERATUS PELAJAR TAHUN AKHIR MENYERTAI PROGRAM INTERVENSI KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Program intervensi yang diambil kira merangkumi pelbagai bentuk inisiatif pembangunan profesional dan peningkatan nilai tambah graduan, termasuk:

- Pensijilan profesional, pentauliahian industri atau pensijilan mikro (*micro-credentials*) yang diiktiraf (Contoh: *reskilling/upskilling*);
- Program latihan atau penempatan industri secara berstruktur (Contoh: Latihan Industri Berstruktur);
- Program pembangunan personaliti, komunikasi, dan kepimpinan;
- Program silang budaya atau pendedahan kepada budaya kerja sebenar industri; atau
- Program penguasaan bahasa kedua atau ketiga bagi meningkatkan kebolehpasaran global dan mobiliti graduan.

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%	10%

Nota: KPI ini hanya akan dikecualikan kepada POLYCC yang tiada graduan atas sebab-sebab yang telah dibenarkan oleh pihak pengurusan tertinggi JPPKK.

Trend Pencapaian:

Tiada trend pencapaian kerana KPI baharu.

Justifikasi:

Berdasarkan kepada justifikasi/punca kuasa/penjelasan lanjut mengenai sasaran dalam pelan berikut:

- Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) - graduan bekerja setara kelayakan;
- Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPM (PT)) 2015 - 2025;
- Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025; dan
- Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030.

Kaedah Pengukuran:

Data diperolehi melalui rekod kehadiran sah (fizikal/digital) dari penganjur program dan data enrolmen pelajar dari Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) atau Sistem Pengurusan Kolej Komuniti (CCMS).

KPI 2 - PERATUS PELAJAR TAHUN AKHIR MENYERTAI PROGRAM INTERVENSI KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Kaedah pengukuran yang digunakan untuk mengira peratus (%) pelajar tahun akhir menyertai program intervensi kebolehpasaran graduan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Bilangan pelajar tahun akhir (berstatus aktif dalam dua semester terakhir pengajian) yang telah disahkan hadir **dan** melengkapkan sekurang-kurangnya satu (1) program intervensi kebolehpasaran graduan yang diiktiraf.

Denominator: Jumlah keseluruhan populasi pelajar tahun akhir yang berdaftar di institusi.

Pengumpulan data: Data kehadiran dan penyertaan dikumpul secara berterusan setiap kali program kebolehpasaran graduan selesai dilaksanakan.

Pelaporan KPI: Pencapaian KPI ini akan dilaporkan dua (2) kali setahun, iaitu pada penghujung setiap semester akademik.

Dokumen Bukti:

Laporan akhir program dengan bukti lengkap senarai kehadiran pelajar berserta nombor pendaftaran pelajar, salinan sijil penyertaan (fizikal/digital).

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Unit Corporate, Industrial Services & Employability Centre (CISEC).

Kolej komuniti: Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA).

Pemilik Proses:

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK).

KPI 3 - BILANGAN PROJEK KEUSAHAWANAN PELAJAR BERASASKAN PENYELESAIAN MASALAH KOMUNITI YANG MENJANA PELUANG PERNIAGAAN

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik:

1.2 Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik dan bersepadu.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi menyokong Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025 dan hala tuju terkini jabatan. Ia berperanan sebagai ukuran kepada mendorong penubuhan dan pelaksanaan perniagaan yang memberi impak sosial positif, selaras dengan hala tuju Kementerian Pengajian Tinggi bagi melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan serta mampu menjadi modal insan yang berdaya saing.

Projek keusahawanan yang memberikan respons kepada masalah komuniti merujuk kepada kesalinghubungan dan kerjasama antara projek keusahawanan pelajar dan komuniti dengan mengenalpasti dan menangani isu atau cabaran yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Masalah komuniti yang diusulkan pelajar mampu menangani isu-isu sosial, kemiskinan, pendidikan, kesihatan, alam sekitar, atau kebajikan masyarakat dan bukan semata-mata mencari keuntungan dalam menjalankan perniagaan.

Ekosistem dalaman institusi adalah sangat penting dalam membangunkan agenda keusahawanan IPT sebagai persediaan untuk menempuh ekosistem sebenar di luar dinding IPT, sekali gus menghasilkan graduan yang mampu menjana peluang pekerjaan melalui bidang keusahawanan.

KPI ini mengukur bilangan projek keusahawanan pelajar berdasarkan penyelesaian masalah komuniti. Pengukuran ini melibatkan elemen perniagaan pelajar yang membantu menjana ekonomi komuniti. Data diperoleh melalui pelaporan aktiviti perniagaan syarikat pelajar dan dilaporkan mengikut jangka masa pelaporan secara sukuan.

KPI 3 - BILANGAN PROJEK KEUSAHAWANAN PELAJAR BERASASKAN PENYELESAIAN MASALAH KOMUNITI YANG MENJANA PELUANG PERNIAGAAN

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
100	1	1	1	1	1	1	

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik			Kolej Komuniti			* Pencapaian Keseluruhan
	Premier/ APACC	Konvensional	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2025	7	31	4				42

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 Jun 2025.

Justifikasi:

Sasaran KPI ini berdasarkan keupayaan institusi untuk melaksanakan program keusahawanan sosial secara berkesan dengan mengambil kira sumber sedia ada.

Kaedah Pengukuran:

Kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung KPI ini ialah dalam bentuk bilangan projek keusahawanan yang memberi respons kepada masalah komuniti dan menjadikannya peluang perniagaan dalam tahun yang dinilai. Pecahan pencapaian adalah mengikut kategori bagi setiap institusi (politeknik dan kolej komuniti) dan pelaporan pencapaian adalah secara kumulatif.

KPI 3 - BILANGAN PROJEK KEUSAHAWANAN PELAJAR BERASASKAN PENYELESAIAN MASALAH KOMUNITI YANG MENJANA PELUANG PERNIAGAAN

Carta alir di bawah menunjukkan proses pelaksanaan KPI ini:

Proses Permohonan Projek Keusahawanan Sosial Pelajar



Dokumen Bukti:

Laporan pemantauan projek keusahawanan sosial pelajar.
Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Ketua Unit Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Pemilik Proses:

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP).

KPI 4 - BILANGAN PELAJAR YANG BERJAYA KE PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik:

1.3 Melahirkan graduan berciri global.

Definisi Operasi:

Melahirkan graduan berciri global merupakan hala tuju dan misi utama sebuah institusi dalam menghasilkan pelajar yang memiliki ciri-ciri dan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dan berjaya bermula di peringkat kebangsaan seterusnya antarabangsa.

Pencapaian dalam KPI ini membantu untuk memantau kemajuan pelajar secara menyeluruh dengan mengimbangi aspek akademik dan bukan akademik bagi membentuk graduan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani, dan sosial. Ia juga dapat menggalakkan pemikiran kritikal dan kreativiti pelajar terutamanya apabila berdepan dengan isu dan cabaran di peringkat global dengan kebolehan antarabangsa. Kebolehan antarabangsa merujuk kepada tahap kemampuan pelajar di peringkat antarabangsa yang meliputi pelbagai aspek seperti kerjasama luar, komunikasi, kemahiran/kebolehan membuat keputusan strategik, dan penguasaan kemahiran teknologi digital secara global.

Pencapaian pelajar ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa merupakan salah satu indikator kecemerlangan sesebuah institusi. Bilangan pelajar yang berjaya menembusi peringkat ini menggambarkan bukan sahaja keupayaan intelek dan bakat pelajar malah mencerminkan keberkesanan bimbingan pensyarah serta sokongan pihak institusi kepada pelajar.

1. Peringkat Kebangsaan (Dalam Negara)
Pelajar **mesti** memperoleh kejayaan/kemenangan/kecemerlangan/penganugerahan dalam mana-mana program/acara/kejohanan berbentuk pertandingan;
2. Peringkat Antarabangsa (Luar Negara)
Pelajar **sekurang-kurangnya** menyertai atau memperoleh kejayaan/kemenangan/kecemerlangan/penganugerahan dalam mana-mana program/acara/kejohanan berbentuk pertandingan di luar negara;
3. Kejayaan dilihat menerusi penglibatan pelajar dalam mana-mana program/acara/kejohanan berbentuk pertandingan di bawah anjuran:
 - i. Kementerian, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta atau Non-Government Organization (NGO); dan

KPI 4 - BILANGAN PELAJAR YANG BERJAYA KE PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

- ii. JPPKK/Politeknik/Kolej Komuniti:
 - Kategori terbuka iaitu mana-mana program/acara/kejohanan berbentuk pertandingan yang juga disertai oleh peserta atau pelajar dari IPTA/IPTS/luar negara yang lain; atau
 - Pertandingan yang disertai merupakan platform pemilihan kepada pertandingan ke peringkat yang lebih tinggi bagi mewakili Politeknik Malaysia/ Kolej Komuniti Malaysia/negara.
4. Kejayaan/kemenangan/kecemerlangan/penganugerahan dalam mana-mana program/ acara/kejohanan berbentuk pertandingan dengan memperoleh:
 - i. Pingat Platinum/Emas/Perak/Gangsa;
 - ii. Johan/Naib Johan;
 - iii. Tempat Pertama/Kedua/Ketiga;
 - iv. Medallion for Excellence;
 - v. Pingat Sanjungan;
 - vi. Anugerah Khas (Contoh: Olahragawan/Olahragawati/Tangan Emas); atau
 - vii. Kemenangan, kecemerlangan atau anugerah setara.
5. Kejayaan pelajar dalam kluster/bidang seperti:
 - i. Kemahiran;
 - ii. Komunikasi (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris/dan lain-lain bahasa);
 - iii. Kerohanian;
 - iv. Kebudayaan, kesenian dan warisan;
 - v. Kelab persatuan, badan beruniform;
 - vi. Keusahawanan;
 - vii. Patriotisme;
 - viii. Penyelidikan dan inovasi;
 - ix. Sains sosial;
 - x. Sukan;
 - xi. Perpaduan;
 - xii. Kesihatan; atau
 - xiii. Lain-lain (Mohon nyatakan nama bidang/kluster dalam bentuk perkataan **sahaja** bagi setiap pelaporan contoh: Sukan).
6. Bagi program keusahawanan, kejayaan pelajar diambil kira dalam memperoleh pembiayaan dari mana-mana agensi (Contoh: Bank Islam) untuk syarikat/perusahaan/ inovasi/projek perniagaan milikan pelajar dalam pembangunan produk, inkubator, pemasaran, pemodal awal dan pemodal teroka.
7. Kejayaan seorang pelajar diambil kira yang tertinggi sahaja dalam bidang/kluster yang sama dalam pelbagai peringkat bagi tahun semasa (Contoh: Pelajar tersebut telah memenangi peringkat kebangsaan dan seterusnya mewakili negara/antarabangsa, maka yang diambil kira adalah mewakili negara/antarabangsa).
8. Kejayaan pelajar atas inisiatif sendiri dalam menyertai mana-mana program/acara/ kejohanan berbentuk pertandingan peringkat kebangsaan atau antarabangsa akan diambil kira sekiranya memberi impak menaikkan imej institusi/JPPKK/KPT.

KPI 4 - BILANGAN PELAJAR YANG BERJAYA KE PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
928	30	15	10	5	10	4	2

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik			Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier/ APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	Tidak dijadikan sebagai KPI						
2024	364	515	32	438	246	107	1,702
2025	APEX/ Premier	Konvensional(Kluster 1 dan Kluster 2)	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	203	255	17	178	76	41	770

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Penetapan sasaran adalah berdasarkan kepada:

- Pelan Tindakan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) – Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang;
- Trend pencapaian tahunan bagi setiap kategori institusi;
- Peningkatan penganjuran program yang melibatkan penyertaan pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- Menyokong dalam meningkatkan pelaksanaan inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG).

KPI 4 - BILANGAN PELAJAR YANG BERJAYA KE PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

Kaedah Pengukuran:

Bilangan pelajar:

i. Kategori Penyertaan - Individu

Seorang pelajar bagi satu pencapaian kemenangan (peringkat kebangsaan) atau penyertaan/kemenangan (peringkat antarabangsa)

ii. Kategori Penyertaan - Berkumpulan

Setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan.

Contoh: Satu kumpulan pelajar yang terdiri daripada tiga orang (3) pelajar memenangi tempat pertama dalam satu pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan, maka bilangan pelajar yang mencapai kejayaan adalah tiga (3) orang.

Dokumen Bukti:

Laporan kejayaan pelajar.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA)/Timbalan Pengarah (TP).

Kolej komuniti: Timbalan Pengarah (TP)/Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP).

Pemilik Proses:

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP).

KPI 5 - BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR BERCIRI HOLISTIK

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

Objektif Strategik:

1.3 Melahirkan graduan berciri global.

Definisi Operasi:

Pelajar berciri holistik ialah individu yang berkembang secara menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Mereka bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga memiliki sahsiah terpuji, kemahiran insaniah, serta nilai moral yang tinggi. Pelajar holistik mampu berfikir secara kritikal dan kreatif, berkomunikasi dengan berkesan, serta berperanan aktif dalam masyarakat untuk mencapai kesejahteraan diri dan negara. KPI ini penting kerana ia membantu memastikan pendidikan bukan sekadar melahirkan pelajar yang bukan sahaja pandai dalam akademik, tetapi hebat dalam kemahiran insaniah (*soft skills*), sahsiah dan potensi diri insan yang seimbang, berakhlak, dan berkemahiran hidup. Kaedah pengukuran adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan program pembangunan pelajar **wajib** mengandungi **ketiga-tiga program** di bawah:
 - a. Program kepakaran bidang (*niche area*) teknologi TVET institusi;
 - b. Program sukarelawan (memberi impak kepada komuniti); dan
 - c. Program komunikasi (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris).
- ii. Selain program wajib yang dinyatakan di atas, pelaksanaan program pembangunan pelajar mesti berdasarkan kluster seperti berikut:
 - a. Patriotisme;
 - b. Kepimpinan;
 - c. Kebudayaan, kesenian dan warisan;
 - d. Kerohanian;
 - e. Psikologi;
 - f. Sukan;
 - g. Kesihatan;
 - h. Kemahiran dan inovasi;
 - i. Kelab dan persatuan; atau
 - j. Perpaduan.

Pelaksanaan program di peringkat institusi/jabatan/negeri/zon/kebangsaan/antarabangsa.

KPI 5 - BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR BERCIRI HOLISTIK

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
1,175	14	12	11	10	10	9	6

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik			Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier/APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
2023	168	285		25	174	184	135
2024	194	451		52	376	257	186
2025	APEX/Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
	153	151	176	34	274	184	119
							* Pencapaian Keseluruhan
							1,091

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Pelaksanaan program pembangunan pelajar berimpak yang dilaksanakan setiap POLYCC. Penetapan sasaran adalah berdasarkan kepada:

- Maklumat pencapaian dan peningkatan penganjuran program yang melibatkan penyertaan pelajar di peringkat institusi/jabatan/negeri/zon/kebangsaan dan antarabangsa;
- Pelan Tindakan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) – Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang; dan
- Tahap keupayaan POLYCC untuk melaksanakan aktiviti pelajar yang terdiri daripada bilangan pelajar, bilangan pegawai/pensyarah, dan ketersediaan kemudahan/fasiliti.

KPI 5 - BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR BERCIRI HOLISTIK

Kaedah Pengukuran:

Bilangan program pembangunan pelajar yang dilaksanakan merujuk kepada kategori yang telah dinyatakan.

Dokumen Bukti:

Laporan pelaksanaan program.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (KJHEP).

Kolej komuniti: Pegawai Pembangunan Pelajar (PPP).

Pemilik Proses:

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP).

KPI 6 - BILANGAN PENGIKTIRAFAN DARIPADA BADAN/AGENSI DI PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.1 Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi menyokong Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025 dan hala tuju terkini jabatan. Ia berfungsi sebagai ukuran keupayaan POLYCC dalam memperoleh pengiktirafan daripada badan atau agensi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTM) 2015–2025 – Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti, serta Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) di peringkat Kementerian dan Aktiviti (MES dan APMF).

Pengiktirafan dalam konteks ini merujuk kepada penerimaan rasmi terhadap kelayakan, pensijilan, atau anugerah oleh badan pengiktirafan tertentu sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian institusi dalam memenuhi standard kualiti yang ditetapkan. Proses ini penting kerana ia mencerminkan keupayaan institusi untuk mengekalkan tahap kualiti, profesionalisme, dan pematuhan terhadap piawaian industri serta pendidikan yang diiktiraf. Melalui pengiktirafan ini, institusi memperoleh legitimasi dan kredibiliti yang lebih kukuh dalam kalangan komuniti pendidikan dan industri, seterusnya meningkatkan reputasi dan keyakinan pihak berkepentingan terhadap sistem penyampaian dan tadbir urus institusi.

KPI ini mengukur bilangan pengiktirafan yang diterima oleh politeknik dan kolej komuniti daripada badan atau agensi berwibawa di peringkat nasional dan antarabangsa melalui proses audit, penilaian, dan verifikasi rasmi. Pengukuran ini memberi tumpuan kepada tahap pematuhan institusi terhadap kriteria dan standard yang telah ditetapkan oleh badan pengiktirafan. Ia merangkumi:

- i. **Pencapaian pelbagai bentuk pensijilan dan pengiktirafan** seperti ISO-SIRIM, ISO-NIOSH, Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Pusat Bertauliah Pematuhan Hijau (JPK), Training Provider Registration Certificated HRD CORP, Certiport Authorized Testing Centre, Penyedia Latihan PERKESO, KNX Training Centre;
- ii. **Pengiktirafan sektor khusus** seperti Premier Digital Tech Institution (MDEC), UI Greenmetric World University Rankings, Sekolah Pengendalian Makanan (SLPM), Adobe International, City and Guilds, dan The Chartered Institute of Logistics and Transport in Malaysia (CILT); dan
- iii. **Pengiktirafan daripada badan antarabangsa** seperti Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC), Member Schools CDIO, Center for Institute Motor Industry (IMI) dan Suruhanjaya Tenaga turut diambil kira dalam pengukuran ini.

KPI 6 - BILANGAN PENGIKTIRAFAN DARIPADA BADAN/AGENSI DI PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

Rasional pelaksanaan KPI ini adalah untuk memperkukuh kualiti institusi melalui pencapaian pengiktirafan yang menggambarkan pematuhan kepada piawaian industri dan pendidikan bertaraf tinggi. Ia juga bertujuan meningkatkan kredibiliti serta reputasi institusi melalui pengiktirafan luar yang diiktiraf secara formal oleh badan berautoriti di samping mendorong penambahbaikan berterusan dalam prestasi dan proses pengurusan institusi agar sentiasa memenuhi standard yang semakin mencabar. Dengan itu, pengiktirafan yang diterima bukan sahaja menandakan kecemerlangan operasi institusi, tetapi juga menjadi simbol kepercayaan pihak berkepentingan terhadap mutu penyampaian pendidikan dan latihan di bawah sistem POLYCC.

Skop pengukuran KPI ini merangkumi semua bentuk pengiktirafan atau pensijilan yang diperoleh daripada badan atau agensi yang berwibawa dan diiktiraf secara rasmi seperti ISO, EKSA, APACC, Adobe International, dan lain-lain yang berkaitan dengan peningkatan kualiti institusi. Walau bagaimanapun, ia **tidak termasuk** akreditasi wajib program pengajian yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), serta sebarang bentuk pengiktirafan yang tidak relevan atau tidak diiktiraf secara formal oleh badan pengiktirafan yang sah.

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
145	3	2	1	1	1	1	1

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik				Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier/ APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	44	44		7	46	34		175
2024	40	58		6	48	28	28	208
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	45	46	26	5	55	33	19	229

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

KPI 6 - BILANGAN PENGIKTIRAFAN DARIPADA BADAN/AGENSI DI PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA

Justifikasi:

- i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTM) 2015-2025 - Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti;
- ii. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) peringkat Kementerian (*Ministry Executive Summary* - MES) dan peringkat Aktiviti (*Activity Performance Management Framework* - APMF); dan
- iii. Sasaran KPI mengambil kira kategori institusi, ketersediaan pengoperasian, jumlah staf dan pelajar, kemantapan dalam aspek jaminan kualiti, dan faktor kos.

Kaedah Pengukuran:

- i. Pengukuran berdasarkan bilangan pengiktirafan/pensijilan/anugerah yang diperoleh POLYCC pada tahun yang dinilai; atau
- ii. Bilangan pengiktirafan/pensijilan yang masih sah sehingga tahun yang dinilai.

Dokumen Bukti:

Laporan pencapaian pengiktirafan tahun 2026.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai/Penyelaras Unit Jaminan Kualiti di POLYCC.

Pemilik Proses:

Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK).

KPI 7 - BILANGAN PROGRAM KE ARAH KESEJAHTERAAN MENTAL DAN FIZIKAL WARGA POLYCC

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.1 Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap.

Definisi Operasi:

KPI ini mengukur bilangan program atau inisiatif kesejahteraan mental dan fizikal yang dilaksanakan oleh institusi di bawah POLYCC bagi menyokong:

- i. Strategi C3.4: Memantapkan Pembangunan Sumber Manusia Sektor Awam di bawah RMK-13 (2026 - 2030): Melakar Semula Pembangunan; dan
- ii. Pembudayaan Keseronokan Bekerja dinyatakan dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 – 2030 di bawah Bidang Keberhasilan Reformasi 3 melalui Strategi Keberhasilan Reformasi 4 (SKR 4).

Pelaksanaan program ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan holistik warga POLYCC yang merangkumi aspek kesihatan mental, keseimbangan emosi, dan kecergasan fizikal. Penjawat awam yang sejahtera dari segi mental dan fizikal berupaya melaksanakan tugas dengan lebih cekap, berdaya tahan, dan produktif sekali gus menyumbang kepada peningkatan kecekapan organisasi serta kualiti perkhidmatan.

Fokus pengukuran KPI ini ialah jumlah program yang dilaksanakan secara rasmi dalam tahun semasa oleh POLYCC. Program yang dilaksanakan mesti berteraskan peningkatan kesejahteraan mental dan fizikal serta mempunyai objektif yang jelas dan berimpak positif terhadap warga organisasi.

Contoh program/inisiatif:

- i. Kesejahteraan mental dan fizikal: Aktiviti kesedaran kesihatan mental, kaunseling, yoga, meditasi, dan kempen bebas stres;
- ii. Hari sihat POLYCC: Pemeriksaan kesihatan, kempen pemakanan sihat, dan aktiviti sukan santai (Contoh: 10,000 langkah, zumba, berbasikal);
- iii. Program *safe space*: Ruang sokongan emosi dan latihan empati untuk warga kerja dan pengurusan institusi; atau
- iv. Kempen kesejahteraan digital: Kesedaran penggunaan teknologi secara sihat dan keseimbangan digital.

KPI 7 - BILANGAN PROGRAM KE ARAH KESEJAHTERAAN MENTAL DAN FIZIKAL WARGA POLYCC

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
508	4	4	4	4	4	4	4

Trend Pencapaian:

Tiada trend pencapaian kerana KPI baharu.

Justifikasi:

Sasaran KPI ini berdasarkan keupayaan institusi untuk melaksanakan program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan secara berkesan dan mengikut skala kemampuannya dengan mengambil kira sumber sedia ada.

Kaedah Pengukuran:

Kaedah pengukuran adalah berdasarkan pengiraan bilangan program/inisiatif/aktiviti/kempen/tindakan berdasarkan kepada mana-mana program yang menyumbang kepada peningkatan tahap kesihatan seperti berikut:

- Program meningkatkan kesihatan mental sekurang - kurangnya satu (1); dan
- Program meningkatkan kesihatan fizikal

Dokumen Bukti:

Laporan pelaksanaan program ke arah kesejahteraan mental dan fizikal warga POLYCC.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)/Timbalan Pengarah Pengurusan/Timbalan Pengarah.

Pemilik Proses:

Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK).

KPI 8 - SKOR KUALITI DATA POLYCC

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.1 Melestari tadbir urus yang berakauntabiliti dan cekap.

Definisi Operasi:

Data yang berkualiti merupakan sumber utama dalam kompilasi dan diseminasi data kepada umum sebagai rujukan yang boleh dipercayai. Skor kualiti data POLYCC adalah satu ukuran dalam menilai ketepatan dan kebolehpercayaan data berkaitan POLYCC secara menyeluruh demi memastikan kualiti dan integriti data yang dibekalkan melalui Sistem MyMoheS berada pada tahap optimum.

- i. Skor kualiti data merujuk kepada skor yang diberikan berdasarkan penarafan bintang melalui Sistem e-Anjung MyMoheS KPT. Sistem ini terdiri daripada empat (4) modul asas iaitu:
 - a. Modul pelajar;
 - b. Modul staf;
 - c. Modul Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (RDICE); dan
 - d. Modul maklumat institusi.

Skor kualiti data ini melibatkan kemasukan data POLYCC melalui sistem CCMS, SPMP, eSIS, Research Management System (RMS), e-PSH dan LI Zoning.

- ii. Sistem integrasi data
 - a. Modul pelajar: Pengumpulan data pelajar POLYCC perlu melalui Sistem CCMS/SPMP. Penghantaran data melibatkan proses memuat naik data dari CCMS/SPMP ke gudang data POLYCC dan data dihantar secara berpusat ke Sistem e-Anjung MyMoheS;
 - b. Modul staf: Pengisian data melalui Sistem eSIS;
 - c. Modul RDICE: Pengisian data melalui RMS; dan
 - d. Modul maklumat institusi: Maklumat pengarah, kemudahan OKU, aset ICT, data pelajar mobiliti dan lain-lain maklumat diisi melalui Sistem e-Anjung MyMoheS.

- iii. Proses integrasi data:

Peringkat POLYCC: Memuat naik data modul pelajar dan modul maklumat institusi sahaja.
Peringkat JPPKK: Data keluaran (data output pelajar), modul staf dan modul RDICE akan dimuat naik terus ke dalam Sistem e-Anjung MyMoheS oleh PIC di JPPKK.

KPI 8 - SKOR KUALITI DATA POLYCC

iv. Ciri-ciri data yang berkualiti mempunyai elemen yang berikut:

- Ketepatan;
- Kesempurnaan;
- Konsistensi;
- Kredibiliti; dan
- Kekinian.

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
100%	95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik				Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier/ APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	92.84%	92.65%		93.65%	93.11%	92.68%	93.34%	100.00%
2024	99.34%	99.17%		99.47%	99.62%	99.76%	99.79%	100.00%
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	97.00%	97.00%	98.00%	98.00%	97.00%	98.00%	98.00%	98.00%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Sasaran ini menepati RMK-13 yang menekankan keperluan bagi pemantauan dan peningkatan kualiti data dalam memastikan tadbir urus pematuhan piawaian serta keberkesanan perlindungan data kekal selamat, telus, dan berintegriti.

KPI 8 - SKOR KUALITI DATA POLYCC

Kaedah Pengukuran:

Data yang diambil kira merujuk kepada pelaporan prestasi kualiti data dari KPT sebelum 31 Disember tahun semasa. Pemilik proses akan mengedarkan Laporan Skor Kualiti Data MyMoheS kepada POLYCC.

Teras pengiraan skor penarafan berdasarkan:

- i. Ketepatan – 25%;
 - Ketepatan data sintetik
 - Ketepatan data simentik
 - Risiko set data yang tidak tepat
- ii. Kesempurnaan – 25%;
 - Kesempurnaan fail data
 - Kesempurnaan nilai data
 - Rekod *null* (tiada data) dalam data fail
- iii. Konsistensi – 20%;
 - Risiko data set yang tidak konsisten
 - Liputan ketekalan nilai data
 - Konsistensi simentik
- iv. Kredibiliti – 10%; dan
 - Kredibiliti nilai
 - Kredibiliti sumber
- v. Kekinian – 20%
 - Kekerapan kemas kini
 - Pematuhan terhadap tempoh penghantaran data yang ditetapkan

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA)/Timbalan Pengarah (TP)
Kolej komuniti: Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP)/Timbalan Pengarah (TP).

Pemilik Proses:

Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET).

KPI 9 - PERATUS PELAJAR SEPENUH MASA MENDAFTAR DI KOLEJ KOMUNITI BERDASARKAN NORMA AMBILAN

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi menyokong Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA) ke-11: Perluasan Akses, dengan tujuan untuk mencapai sasaran pendaftaran seramai 300,000 pelajar menjelang tahun 2035. Ia berperanan sebagai ukuran kepada keberkesanan pelaksanaan strategi peluasan akses Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

KPI ini mengukur bilangan pelajar yang mendaftar masuk ke program pengajian di kolej komuniti berdasarkan norma ambilan pada Sesi I tahun semasa. Pengukuran ini melibatkan semua program pengajian di bawah kolej komuniti dan tidak termasuk program PSH. Data pendaftaran diperoleh melalui Sistem MyMoheS dan dilaporkan secara tahunan.

- i. Ambilan Sesi I
Merujuk kepada penawaran dan pengambilan pelajar pada Sesi I tahun semasa.
- ii. Norma Ambilan
Bilangan ambilan/tempat pengajian disediakan bagi tujuan penawaran program pengajian mengikut kategori, tetapi tidak memberi kesan terhadap jumlah keseluruhan ambilan institusi yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Unjuran bersama BPPI dan BKPK. Jumlah unjuran mesti sama atau lebih daripada unjuran rasmi. Norma ambilan bagi politeknik dan kolej komuniti adalah tertakluk kepada norma ambilan pelajar BPPI, maklum balas politeknik dan kolej komuniti, serta arahan kementerian dari semasa ke semasa.
- iii. *Cut of Date* (COD)
COD adalah sebulan selepas tarikh pendaftaran pelajar (Tertakluk pada tarikh pendaftaran pelajar baharu yang telah ditetapkan pada tahun semasa).

KPI 9 - PERATUS PELAJAR SEPENUH MASA MENDAFTAR DI KOLEJ KOMUNITI BERDASARKAN NORMA AMBILAN

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
88%					85%	90%	90%

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik			Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier/APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
2023	92%	90%		92%	86%	91%	103%
2024	89%	89%		75%	80%	94%	89%
2025	APEX/Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
	74.6%	84.0%	96.0%	111.0%	72.0%	75.2%	74.1%
							* Pencapaian Keseluruhan
							83.4%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Berdasarkan Objektif Strategik C - Memperluas Akses di bawah Teras Strategik Keempat: Menerajui Sistem Pendidikan Melalui TVET 4.0 seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025.

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus pelajar mendaftar adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Bilangan pelajar yang mendaftar di kolej komuniti

Denominator: Norma ambilan sesi I kolej komuniti

KPI 9 - PERATURAN PELAJAR SEPENUH MASA MENDAFTAR DI KOLEJ KOMUNITI BERDASARKAN NORMA AMBILAN

Dokumen Bukti:

Laporan pencapaian peratus pelajar mendaftar berdasarkan norma ambilan di CCMS/MyMoheS.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Pegawai Pengambilan Kolej Komuniti.

Pemilik Proses:

Bahagian Pembangunan dan Ambilan Pelajar (BAPP).

KPI 10 - PERATUS ENROLMEN PELAJAR POLITEKNIK BERDASARKAN KAPASITI

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.2 Memperkukuh jenama dan reputasi POLYCC.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi menyokong Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025 dan hala tuju terkini jabatan dengan tujuan untuk memastikan tahap pengisian enrolmen pelajar politeknik dioptimumkan selaras dengan kapasiti institusi bagi menjamin kecekapan sumber dan keseimbangan program akademik.

Ia berperanan sebagai ukuran kepada keberkesanan pengurusan ambilan pelajar dan perancangan kapasiti institusi selaras dengan hala tuju KPT dalam memperkukuh ekosistem TVET berimpak tinggi dan mampan. KPI ini mengukur peratus enrolmen pelajar berbanding kapasiti institusi politeknik berdasarkan data ambilan sebenar pelajar setiap sesi. Pengukuran ini melibatkan semua program pengajian di politeknik yang ditawarkan dalam mod program sepenuh masa dan **tidak termasuk** program jangka pendek, separuh masa, atau latihan luar (PSH).

Enrolmen merujuk kepada bilangan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di sesebuah institusi pengajian tinggi, termasuk pelajar baharu bagi sesuatu sesi pengajian berkenaan. Kapasiti institusi ditakrifkan sebagai jumlah maksimum pelajar yang boleh ditampung oleh sesebuah institusi berdasarkan keupayaan ruang fizikal, kemudahan infrastruktur, dan reka bentuk asal bangunan. Penetapan kapasiti institusi hendaklah berdasarkan kepada pelan asal pembangunan atau pelan naik taraf fizikal institusi yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan. Kapasiti ini menjadi asas kepada perancangan enrolmen pelajar, penyediaan kemudahan sokongan, serta pematuhan terhadap piawaian keselamatan dan keselesaan pengguna.

Data diperoleh melalui SPMP dan disemak oleh Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), JPPKK. Laporan dibuat secara tahunan berdasarkan data pelajar aktif politeknik bagi pelaporan enrolmen pelajar suku ketiga (30 September) di Sistem MyMoheS.

KPI 10 - PERATUS ENROLMEN PELAJAR POLITEKNIK BERDASARKAN KAPASITI

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
78%	85%	85%	70%	65%			

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik			Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier/APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
2023	92%	90%		92%	86%	91%	103%
2024	89%	89%		75%	80%	94%	89%
2025	APEX/Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
	74.6%	84.0%	96.0%	111.0%	72.0%	75.2%	74.1%
							*Pencapaian Keseluruhan
							83.4%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Berdasarkan Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA) ke-11, iaitu Agenda Perluasan Akses di bawah Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023 – 2030.

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus pelajar mendaftar adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Jumlah pelajar aktif di politeknik

Denominator: Jumlah maksimum pelajar yang boleh ditampung oleh sesebuah institusi (Jumlah yang ditetapkan oleh BPPI)

KPI 10 - PERATURAN ENROLMEN PELAJAR POLITEKNIK BERDASARKAN KAPASITI

Dokumen Bukti:

Laporan pencapaian peratus enrolmen pelajar berdasarkan kapasiti institusi.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Pemilik Proses:

Bahagian Pembangunan dan Ambilan Pelajar (BAPP).

KPI 11 - PERATUS PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS (B64)

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.3 Meningkatkan pengurusan kewangan yang cekap, berhemat, dan mampan.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi memastikan perbelanjaan secara optimum mengikut peruntukan tahunan semasa yang telah disalurkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). KPI ini berperanan sebagai ukuran kepada perbelanjaan yang cekap dan berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan (PB 1.2), *Pegawai Pengawal hendaklah memastikan penyaluran dan perbelanjaan awam dilaksanakan dengan teratur dan berhemat mengikut perancangan kerangka keberhasilan dan pelan strategik serta keutamaan/keperluan Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan bagi mencapai keberhasilan (outcome) yang ditetapkan. Penyaluran dan perbelanjaan awam tersebut hendaklah dibuat berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan sahaja.*

Pengukuran KPI ini adalah berdasarkan prestasi perbelanjaan mengurus secara keseluruhan pada tahun semasa seperti berikut:

- i. PTJ hendaklah memastikan peruntukan yang telah disalurkan dibelanjakan mengikut julat peratusan minimum bagi setiap bulan adalah sebanyak 8.33% dan mencapai 99% pada akhir tahun semasa; dan
- ii. Data diperoleh dengan merujuk kepada laporan prestasi perbelanjaan (Disember) yang diambil daripada Laporan Vot Dana iGFMS sehingga penutupan akaun.

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
99%	99%	99%	99%	99%	99%	99%	99%

KPI 11 - PERATUS PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS (B64)

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik				Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier/ APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METRo	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	100%	100%		100%	100%	100%	100%	100%
2024	100%	100%		100%	100%	100%	100%	100%
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METRo	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	83.56%	84.30%	80.35%	80.83%	76.43%	74.78%	76.80%	79.58%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Sasaran KPI adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan (PB 1.2). Semua inisiatif belanjawan yang diumumkan oleh kerajaan perlu dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Kaedah Pengukuran:

Data diperolehi dengan merujuk kepada laporan prestasi perbelanjaan (Disember) yang diambil daripada Laporan Vot Dana iGFMAS sehingga penutupan akaun.

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Pemilik Proses di BKP.

Pegawai Bertanggungjawab:

Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan di POLYCC.

Pemilik Proses:

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP).

KPI 12 - PERATUS PRESTASI PENGURUSAN PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN DALAM TEMPOR TUJUH (7) HARI SELEPAS DOKUMEN LENGKAP DITERIMA

TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

Objektif Strategik:

2.3 Meningkatkan pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi memastikan semua bil dan tuntutan dibayar dengan segera dalam tempoh 7 hari dari tarikh ia diterima dengan lengkap dan sempurna.

Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 103 (a), *Ketua Jabatan atau ketua pejabat hendaklah meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan segera. Mereka hendaklah memastikan bahawa bil itu dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna.*

Bagi mematuhi arahan di atas dan mengelakkan perkara ini berlaku, surat Ketua Setiausaha (KSU) rujukan KPT.400-1/3/5(61) bertarikh 9 Mac 2022 pula telah menetapkan pelaksanaan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari di Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pengiraan bil tujuh (7) hari adalah seperti berikut:

- i. Sistem ePerolehan (Invois eP): Daripada tarikh invois dikunci masuk oleh pembekal sehingga bayaran diterima oleh pembekal (Status 80); dan
- ii. Sistem iGFMS (Tuntutan perjalanan, elaun lebih masa, pindah rumah, elaun gangguan, bil telefon, surat khabar, pos laju, pakaian panas, bayaran penceramah dan lain-lain): Daripada tarikh terima di Unit Kewangan bagi dokumen lengkap dan sempurna sehingga bayaran diterima oleh pembekal (Status 80).

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%	95%

KPI 12 - PERATUS PRESTASI PENGURUSAN PEMBAYARAN BIL DAN TUNTUTAN DALAM TEMPOH TUJUH (7) HARI SELEPAS DOKUMEN LENGKAP DITERIMA

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik				Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier / APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	100.00%	100.00%		100.00%	99.37%	98.3%	99.17%	99.48%
2024	100.00%	100.00%		100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	100.00%	98.86%	99.70%	99.23%	99.40%	99.24%	99.59%	99.54%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera tidak melebihi tujuh (7) hari daripada tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna bagi mengelakkan isu pembayaran bil melebihi 14 hari yang tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 103(a) (AP103(a)).

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung peratus prestasi pengurusan pembayaran bil adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Bilangan bil yang tidak melebihi tujuh (7) hari

Denominator: Jumlah keseluruhan bil

Pelaporan melalui Sistem PERSYST:

Pemilik Proses di BKP.

Pegawai Bertanggungjawab:

Penolong Akauntan/Penolong Pegawai Tadbir/Pembantu Tadbir Kewangan di POLYCC.

Pemilik Proses:

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP).

KPI 13 - PERATURAN PENSYARAH BAGI KURSUS TERAS BIDANG DI INSTITUSI MEMILIKI KEMAHIRAN INDUSTRI PADA TAHUN SEMASA

TERAS 3: PEMERKASAAN BAKAT

Objektif Strategik:

3.1 Mempergiat perkongsian pengetahuan antara PPPT dan pengamal industri secara berterusan.

Definisi Operasi:

Dalam konteks memperkasa Pendidikan Tinggi melalui Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) memberi fokus kepada pengembangan kemahiran dan kolaborasi profesional dalam kalangan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT). Sehubungan itu, KPI diwujudkan untuk mengukur tahap pemerkasaan bakat melalui peraturan pensyarah kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri terkini.

Kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:

- i. Pensyarah teras bidang yang pernah melengkapkan sangkutan industri sekurang-kurangnya sebulan; atau
- ii. Pensyarah mempunyai kelayakan profesional/sijil profesional.

Catatan:

- i. Pensyarah teras bidang:
 - a. Di politeknik – Pensyarah yang ditempatkan mengikut pengisian waran di Jabatan Akademik Induk (selain Jabatan Matematik, Sains dan Komputer serta Jabatan Pengajian Am) untuk mengajar kursus-kursus teras dalam satu-satu program pengajian;
 - b. Di kolej komuniti – Penyandang waran perjawatan “Pensyarah” dan bukannya “Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat” mahupun “Pensyarah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris/Agama sahaja”.
- ii. Kelayakan profesional/sijil profesional yang diambil kira adalah yang masih sah tempoh sehingga 31 Disember pada tahun semasa.
- iii. Kelayakan profesional adalah gelaran profesional yang diiktiraf oleh badan profesional.
- iv. Sijil profesional bermaksud sijil kelayakan yang mendapat pengiktirafan daripada badan profesional/agensi/persatuan/industri yang dibenarkan membuktikan bahawa pegawai mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk melaksanakan tugas khusus dan tugas-tugas di mana mereka telah dilatih.

KPI 13 - PERATURAN PENSYARAH BAGI KURSUS TERAS BIDANG DI INSTITUSI MEMILIKI KEMAHIRAN INDUSTRI PADA TAHUN SEMASA

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
50%	50%	50%	50%	50%	50%	50%	50%

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik				Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier / APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	42.12%	42.12%		42.12%	42.12%	42.12%	42.12%	42.12%
2024	47.55%	47.55%		47.55%	47.55%	47.55%	47.55%	47.55%
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	51.10%	51.10%	51.10%	51.10%	51.10%	51.10%	51.10%	51.10%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

Penetapan sasaran 50% bagi semua kategori institusi politeknik dan kolej komuniti adalah berdasarkan kepada unjuran peningkatan secara progresif berbanding pencapaian keseluruhan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

KPI 13 - PERATURAN PENSYARAH BAGI KURSUS TERAS BIDANG DI INSTITUSI MEMILIKI KEMAHIRAN INDUSTRI PADA TAHUN SEMASA

Kaedah Pengukuran:

Formula atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk menghitung pencapaian KPI ini adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Numerator}}{\text{Denominator}} \times 100$$

Numerator: Jumlah PPPT kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri pada tahun berkaitan.

Denominator: Reten pengisian perjawatan pensyarah teras bidang berdasarkan ketetapan awal tahun dan kajian separuh tahun dalam tahun semasa.

Dokumen Bukti:

- i. Pegawai latihan
 - Perlu menyediakan dokumen bukti seperti jadual di bawah ke dalam aplikasi digital (bukan Sistem PERSYST 2.0) yang disediakan oleh Pemilik Proses.
 - Bagi program sangkutan pensyarah di industri, Pegawai Latihan tidak perlu menyediakan bahan bukti ke dalam aplikasi digital (bukan Sistem PERSYST 2.0). Maklumat tersebut akan disediakan oleh Pemilik Proses.
- ii. Dokumen bukti tidak perlu dimuat naik oleh Penyelaras KPI ke dalam Sistem PERSYST 2.0.

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Pemilik Proses di BKPK.

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan.

Kolej komuniti: Pegawai Latihan dan Pembangunan Staf.

Pemilik Proses:

Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK).

KPI 14 - BILANGAN BAHAN DAN PLATFORM PEMBELAJARAN DIGITAL BERTERASKAN IMERSIF DAN AI YANG DIHASILKAN OLEH POLYCC

TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Objektif Strategik:

4.1 Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian.

Definisi Operasi:

Kemajuan teknologi yang pesat telah menyumbang kepada transformasi kaedah pembelajaran secara sendiri. KPI ini diwujudkan bagi menyokong Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025 dan hala tuju terkini jabatan. Bagi menyokong usaha ini, pembangunan serta penambahan bahan pembelajaran dan pengajaran (PdP) digital yang pelbagai, berkualiti, dan berterusan bagi memperluas akses pendidikan secara fleksibel.

Bahan pembelajaran digital bermaksud sebarang kandungan yang wujud dalam bentuk data digital seperti e-buku, interaktif e-buku, video tutorial (PdP), *virtual reality* (VR), dan sebagainya. Bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif merujuk kepada bahan digital dan platform yang memberikan pengalaman mendalam dan interaktif kepada pengguna seolah-olah pengguna berada di dalam persekitaran maya yang nyata. Bahan digital berteraskan AI pula merujuk kepada kandungan digital yang dihasilkan dengan menggunakan teknologi generatif AI sebagai alat pembangunan kandungan digital.

KPI ini menyasarkan pembangunan kandungan bahan digital PdP yang terdiri daripada empat (4) item:

- i. Item 1: Pembangunan bahan aplikasi interaktif e-buku/aplikasi interaktif e-buku mempunyai elemen *augmented reality* (AR);
- ii. Item 2: Pembangunan bahan video PdP/video dokumentari/VR/video 360;
- iii. Item 3: Pembangunan Digital MC Stand Alone (MCSA) (politeknik)/platform kursus CIDOS yang lengkap (kolej komuniti); dan
- iv. Item 4: Pembangunan bahan video PdP menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI).

KPI 14 - BILANGAN BAHAN DAN PLATFORM PEMBELAJARAN DIGITAL BERTERASKAN IMERSIF DAN AI YANG DIHASILKAN OLEH POLYCC

Perincian kriteria pembangunan bagi setiap item adalah merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) dari semasa ke semasa. Penyelarasan pembangunan bahan digital PdP di peringkat POLYCC dilaksanakan oleh Jawatankuasa e-Pembelajaran yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik (TPA)/ Timbalan Pengarah dan dibantu oleh Ketua-Ketua Jabatan (Politeknik)/Ketua-Ketua Program (KK), Pegawai e-Pembelajaran (PeL) dan Pegawai Multimedia dan Sumber (MARO).

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
730	14	12	9	8	5	4	3

Nota:

- [1]. Minimum **satu (1)** bilangan bahan digital mengikut setiap jenis item **perlu** dibangunkan oleh setiap politeknik/kolej komuniti dengan jumlah per item bergantung kepada institusi.
- [2]. Sasaran bagi kolej komuniti adalah Item 1, Item 2 dan Item 3.
- [3]. Jumlah keseluruhan bilangan bahan digital yang dihasilkan **perlu** memenuhi bilangan sasaran yang ditetapkan mengikut kategori POLYCC.

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik				Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier / APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	70	105		20				195
2024	90	218		29	107	68	31	543
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	67	55	61	11	79	46	37	356

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

KPI 14 - BILANGAN BAHAN DAN PLATFORM PEMBELAJARAN DIGITAL BERTERASKAN IMERSIF DAN AI YANG DIHASILKAN OLEH POLYCC

Justifikasi:

Pembangunan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI adalah selari dengan Pemerkasaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (CRA 8) dan Poli Digital (CRA 10) dalam Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 untuk mengoptimumkan potensi teknologi digital dalam ekosistem akademik politeknik.

Kaedah Pengukuran:

Kaedah pengukuran adalah dengan mengira jumlah keseluruhan bilangan bahan digital dibangunkan oleh setiap institusi POLYCC dengan maksud seperti berikut:

- i. Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti adalah merujuk kepada jumlah bilangan bahan digital;
- ii. Jumlah bilangan bahan digital politeknik = Bil. Item 1 + Bil. Item 2 + Bil. Item 3 + Bil. Item 4;
- iii. Jumlah bilangan bahan digital kolej komuniti = Bil. Item 1 + Bil. Item 2 + Bil. Item 3;
- iv. Jumlah keseluruhan bilangan bahan digital yang dihasilkan **perlu** memenuhi bilangan sasaran yang ditetapkan mengikut kategori POLYCC;
- v. Setiap institusi politeknik dan kolej komuniti perlu menghasilkan minimum satu (1) bahan bagi setiap jenis item bahan digital dalam memenuhi sasaran jumlah bilangan bahan digital;
- vi. Pembangunan item 4 dikecualikan bagi kolej komuniti; dan
- vii. Pengesahan penghantaran bahan digital Item 1, 2 & 4 hanya diambil kira setelah pendaftaran dan muatnaik bahan ke dalam platform OER SHOUT!STORE POLYCC selesai dan dinyatakan pautan SHOUT!STORE berkenaan di dalam laporan dokumen bukti (Pautan platform: <https://oershoutstore.cidos.edu.my/>).

Dokumen Bukti:

Laporan pencapaian pembangunan bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Timbalan Pengarah Akademik (TPA)/Timbalan Pengarah (TP).

Pemilik Proses:

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD).

KPI 15 - SKOR PRESTASI PENCAPAIAN CENTRE OF TECHNOLOGY (COT)

TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Objektif Strategik:

4.1 Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi memantau, mengukur dan menilai tahap keberhasilan COT dalam mencapai objektif utama penubuhannya di politeknik. Penubuhan COT adalah sebahagian daripada inisiatif strategik Hala Tuju Transformasi Politeknik (2023–2030) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). KPI ini berfungsi sebagai instrumen pemantauan prestasi COT yang menyokong aspirasi nasional dalam memperkukuh TVET sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi.

KPI ini mengukur tahap pencapaian prestasi keseluruhan COT berdasarkan penilaian terhadap tujuh (7) elemen utama, iaitu:

- i. Penyelidikan dan inovasi;
- ii. Perkhidmatan kepakaran;
- iii. Pengajaran dan pembelajaran;
- iv. Kolaborasi;
- v. Penerbitan;
- vi. Pengiktirafan; dan
- vii. Penjanaan pendapatan.

Elemen-elemen ini dinilai bagi menentukan skor prestasi tahunan setiap COT.

Tujuan utama pengukuran ini adalah untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan COT dalam menghasilkan graduan berkualiti tinggi, memperkukuh ekosistem inovasi dan penyelidikan, serta membina jaringan strategik bersama industri. Melalui pemantauan berstruktur, JPPKK dapat mengenal pasti tahap kecekapan dan keberkesanan setiap COT serta menentukan intervensi yang bersesuaian bagi meningkatkan prestasi institusi TVET. KPI ini juga bertujuan menggalakkan budaya kecemerlangan, daya saing, dan inovasi dalam kalangan politeknik sebagai pusat kecemerlangan teknologi.

Pengukuran ini merangkumi semua COT yang telah diiktiraf secara rasmi oleh JPPKK. Institusi COT yang bertaraf 3 bintang perlu mencapai sekurang-kurangnya 90% pencapaian, institusi COT yang bertaraf 2 bintang perlu mencapai sekurang-kurangnya 80% pencapaian, manakala institusi COT yang bertaraf 1 bintang dan COT baharu perlu mencapai prestasi minimum sekurang-kurangnya 50% berdasarkan penilaian sendiri tahunan.

KPI 15 - SKOR PRESTASI PENCAPAIAN CENTRE OF TECHNOLOGY (COT)

Senarai institusi COT yang bertaraf 3 bintang adalah seperti berikut:

- i. PUO – Centre of Technology in Marine Engineering (CTME)
- ii. PSA – Centre for Medical Electronic Technology (CMET)
- iii. PIS – Creative Design Centre (CDeC)
- iv. PSAS – Polytechnic Centre of Automotive and Manufacturing Technology (POLCAM)
- v. POLISAS – Centre of Food Science and Technology (CFoST)
- vi. PTSB – Mechatronic Robotic Technology Centre (MRTC)
- vii. PMM – Centre of Tourism and Hospitality (CeTraH)

Senarai institusi COT yang bertaraf 2 bintang adalah seperti berikut:

- i. PUO - Centre of Air-conditioning and Refrigeration (CARE)
- ii. POLIMAS - Centre of Town and Regional Planning (CToP)
- iii. PPD - Centre of Architectural Technology (CArT)
- iv. PSIS - Centre of Environmental Technology (CENTA)
- v. PSMZA - Automotive Technology Centre (ATeC)
- vi. PTSS - Media Creative Centre (MCC)
- vii. PMK - Centre of Building Technology (CoBTech)
- viii. POLIMAS - Centre for Mechanical Engineering Plastic (CMeP)

Senarai institusi COT yang bertaraf 1 bintang adalah seperti berikut:

- i. PKB - Centre of Quantity Surveying Services (CQS)
- ii. PSP - Centre of Technology Logistics (C@Logs)
- iii. PMJ - Cyber Range Academy (CRA)
- iv. PKT - Digital Technology Center (DTechC)
- v. PBU - Centre of Computing Technology (CCT)
- vi. PBS - Aviation Maintenance Technology Centre (AMTC)
- vii. PJK - Centre of Agri-Aqua Technology (CAAT)
- viii. PMU - Centre of Networking (CNet)
- ix. PHT - Tourism and Recreation Centre (TRC)
- x. PKS - Centre of Technology Geomatic (CT Geo)
- xi. PKK - Wood Technology Centre (WTeC)
- xii. PSS - Centre of Aquaculture Technology (COAT)
- xiii. PNS - Centre of Bio-Industry Expertise (CoBEx)

KPI 15 - SKOR PRESTASI PENCAPAIAN CENTRE OF TECHNOLOGY (COT)

Senarai institusi COT baharu adalah seperti berikut:

- i. PBT - Craft Technology Centre (CTC)
- ii. PMS - Automation in Agriculture Centre of Technology (ARCTech)
- iii. PMSNS - Maritime Technology and Engineering Centre (MTEC)
- iv. PTS - Eco-Tourism Centre (EcoTic)
- v. PTSN - Centre of Chemical Technology (CHEMTECH)
- vi. PKB - Centre of Sustainable Agricultural Engineering (CenSAE)

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
60%	90%	50%	50%	50% (kecuali METrO)			

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik				Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier / APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METRo	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	100%	100%		100%	100%	100%	100%	100%
2024	100%	100%		100%	100%	100%	100%	100%
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METRo	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	83.56%	84.30%	80.35%	80.83%	76.43%	74.78%	76.80%	79.58%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

[1]. KPI 2023 - Merangkumi Centre of Technology (COT) politeknik dan Industry on Campus (IOC) JPPKK yang telah diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80%.

[2]. KPI 2024 - Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC).

[3]. KPI 2025 - Skor prestasi pencapaian Centre of Technology (COT).

KPI 15 - SKOR PRESTASI PENCAPAIAN CENTRE OF TECHNOLOGY (COT)

Justifikasi:

- i. Rancangan Malaysia Ketiga Belas 2026-2030 (RMK-13); dan
- ii. Hala Tuju Transformasi Politeknik (2023 - 2030)

Kaedah Pengukuran:

Setiap COT perlu melaksanakan penilaian sendiri bagi setiap elemen dan menghantar laporan pelaksanaan aktiviti Centre of Technology (COT) Politeknik pada tahun semasa merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology (COT) Politeknik Edisi 2020 kepada BPPI. Berdasarkan laporan tersebut, BPPI akan menentusahkan prestasi pencapaian COT. Elemen penilaian dan pemberatan markah seperti dibawah:

Bil.	Elemen	Markah Maksimum
1.	Kolaborasi	20%
2.	Penyelidikan dan inovasi	40%
3.	Perkhidmatan kepakaran	
4.	Penerbitan	20%
5.	Pengiktirafan	
6.	Pengajaran dan pembelajaran	20%
7.	Penjanaan pendapatan	
Jumlah markah		100%

Dokumen Bukti:

Laporan Pelaksanaan Aktiviti Centre of Technology (COT) Politeknik menggunakan Lampiran E dan F merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology (COT) Politeknik Edisi 2020.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di politeknik.

Pegawai Bertanggungjawab:

Ketua Unit Pembangunan Teknologi/Pengurus Centre of Technology (COT).

Pemilik Proses:

Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI).

KPI 16 - SKOR PRESTASI PENCAPAIAN INDUSTRY ON CAMPUS (IOC)

TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN

Objektif Strategik:

4.1 Meningkatkan keberkesanan mekanisme penyampaian.

Definisi Operasi:

Konsep Industry on Campus (IOC) diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif untuk merapatkan jurang ketidakpadanan spesifikasi kerja graduan di institusi pendidikan melalui penglibatan aktif bersama industri berkepentingan. Inisiatif yang dilaksanakan ini dijangka dapat mengurangkan jurang ketidakpadanan spesifikasi pekerjaan di antara institusi pendidikan dengan industri disamping memberi nilai tambah kepada kemahiran graduan serta warga politeknik dan kolej komuniti, komuniti setempat dan pekerja industri. KPI ini mensasarkan Industry on Campus (IOC) JPPKK yang dilaksanakan di politeknik METrO dan kolej komuniti untuk mencapai prestasi sekurang-kurangnya 50% melalui penilaian sendiri pada tahun semasa. Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK akan menentusahkan hasil penilaian sendiri yang dilaksanakan berdasarkan kepada garis panduan yang berkuatkuasa. Penilaian IOC dilaksanakan secara penilaian sendiri oleh setiap IOC terhadap empat (4) elemen utama IOC iaitu perancangan pengurusan IOC dan kewangan, mod pelaksanaan IOC, kolaborasi dan infrastruktur mengikut kaedah pengukuran yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan Industry on Campus (IOC) JPPKK Edisi 2022.

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
60%				50% (METrO sahaja)	50%	50%	50%

KPI 16 - SKOR PRESTASI PENCAPAIAN INDUSTRY ON CAMPUS (IOC)

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik			Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan	
	Premier / APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METRo	Kluster 1	Kluster 2		Kluster 3
2023				91%	85%	92%		89%
2024				100%	98%	95%		95%
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METRo	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
				20%	60%	39%		34%

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Terdapat perbezaan trend pencapaian bagi tahun 2023 sehingga 2025 kerana pernyataan berbeza seperti berikut:

[1]. KPI 2023 - Merangkumi Centre of Technology (COT) Politeknik dan Industry on Campus (IOC) JPPKK yang telah diiktiraf mendapat sekurang-kurangnya prestasi pencapaian 80%.

[2]. KPI 2024 - Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC).

[3]. KPI 2025 - Skor prestasi pencapaian Industry on Campus (IOC).

Justifikasi:

Sasaran ditetapkan berdasarkan kepada trend pencapaian tiga (3) tahun sebelum dan perancangan bahagian.

- Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13);
- Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030;
- Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 – Teras Strategik 3: Modal Insan; dan
- Industry 4WRD (National Policy on Industry 4.0)

Kaedah Pengukuran:

Setiap IOC JPPKK perlu melaksanakan penilaian sendiri bagi kesemua elemen (*one complete cycle*) dan menghantar laporan pelaksanaan aktiviti Industry on Campus (IOC) kepada BPPI. Berdasarkan kepada laporan tersebut, BPPI akan menentukan prestasi pencapaian IOC JPPKK. Elemen penilaian dan pemberatan markah yang diukur bagi KPI ini adalah seperti berikut:

Bil.	Elemen	Markah Maksimum
1.	Perancangan Pengurusan IOC dan Kewangan	25%
2.	Mod Pelaksanaan Industry on Campus (IOC)	25%
3.	Kolaborasi	25%
4.	Infrastruktur	25%
Jumlah markah		100%

KPI 16 - SKOR PRESTASI PENCAPAIAN INDUSTRY ON CAMPUS (IOC)

Dokumen Bukti:

Laporan pelaksanaan aktiviti Industry on Campus (IOC) JPPKK (Sila Rujuk Garis Panduan Kriteria Penarafan Berteraskan Industry on Campus (IOC) JPPKK Edisi 2022) yang telah ditandatangani dan disahkan.

- i. Lampiran A - Borang Pengesahan Pencapaian Industry on Campus (IOC); dan
- ii. Lampiran B - Elemen Penilaian dan Agihan Berat Pemarkahan Industry on Campus (IOC).

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Pengurus Industry on Campus (IOC).

Pemilik Proses:

Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI).

KPI 17 - BILANGAN INDUSTRI YANG MENGHASILKAN KOLABORASI BERIMPAK TINGGI BAGI MEMPERKUKUH SINERGI INSTITUSI-INDUSTRI

TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI, DAN ALUMNI

Objektif Strategik:

5.1 Memperkukuh jaringan industri-institusi.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi menyokong Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025 dan hala tuju terkini jabatan dengan tujuan memperkukuh hubungan sinergi antara institusi dan industri bagi memastikan kebolehpasaran graduan, peningkatan kemahiran tenaga pengajar, serta pembangunan penyelidikan dan inovasi yang menyokong keperluan industri semasa dan masa hadapan.

Ia berperanan sebagai ukuran kepada keupayaan institusi dalam menjalin dan mengekalkan hubungan sinergi institusi-industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi bagi memperkukuh kolaborasi industri dan komuniti.

KPI ini mengukur bilangan industri (industri bermaksud organisasi luar selain politeknik/kolej komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), badan profesional termasuk industri/agensi dari luar negara) yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi dengan institusi berdasarkan pelaksanaan aktiviti kolaborasi yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa.

Pengukuran ini melibatkan aktiviti kolaborasi seperti berikut:

- i. CEO@POLYCC/Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) menjadi pakar rujuk/runding dalam bidang tujahan sebagai *industry fellow* atau penasihat akademik-industri. Memberi pandangan strategik kepada projek pelajar, penyelidikan, pembangunan kurikulum dan pengkomersialan;
- ii. Pelaksanaan program Work-Based Learning (WBL) dengan penawaran pekerjaan;
- iii. Inisiatif bersama industri yang berkebolehan menjana pendapatan melalui Centre of Technology (COT), Industry on Campus (IOC) dan Reskilling and Upskilling Centre (RUC), Pusat Bertauliah, dan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH);
- iv. Penajaan latihan dan pensijilan kepada pelajar atau pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan pensijilan profesional/pensijilan industri/pensijilan kompetensi di mana kos latihan ditanggung oleh industri sepenuhnya atau separuh kos ditanggung institusi;

KPI 17 - BILANGAN INDUSTRI YANG MENGHASILKAN KOLABORASI BERIMPAK TINGGI BAGI MEMPERKUKUH SINERGI INSTITUSI-INDUSTRI

- v. Sumbangan atau perkongsian peralatan dan fasiliti PdP - Peralatan PdP, fasiliti, biasiswa, hadiah kecemerlangan, bantuan kewangan, serta perkongsian ruang atau tempat program;
- vi. Pelaksanaan program Latihan Industri Berstruktur (LIB)/On Job Training (OJT) dengan kerjasama industri yang menyediakan struktur latihan terancang;
- vii. Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (RDCI) bersama-sama industri merujuk kepada kerjasama industri dan institusi yang melibatkan RDCI dalam penghasilan produk/perkhidmatan yang berpotensi untuk dikomersialkan dengan kriteria seperti berikut:
 - a. Menghasilkan kertas penyelidikan hasil kerjasama industri;
 - b. Geran penyelidikan sama ada dalam bentuk kerjasama yang melibatkan kewangan/peralatan/fasiliti (Contoh: PPRN/T-ARGS/MOSTI/FRGS/TRGS dan lain-lain);
 - c. Pembangunan inovasi hasil kerjasama industri yang melibatkan prototaip/produk/kepakaran;
 - d. Pengkomersialan produk/perkhidmatan yang melibatkan kerjasama dari industri; atau
- viii. Penglibatan industri dalam pengesahan pembangunan modul Micro-Credentials Stand Alone (MCSA).

Tidak termasuk aktiviti seperti lawatan industri, taklimat ringkas, atau program kesedaran serta mesyuarat tanpa hasil kolaboratif. Data diperoleh melalui laporan pelaksanaan aktiviti kolaborasi impak tinggi yang dimuat dalam Sistem PERSYST 2.0 dan dilaporkan secara sukuan.

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
369	6	5	4	3	4	2	1

KPI 17 - BILANGAN INDUSTRI YANG MENGHASILKAN KOLABORASI BERIMPAK TINGGI BAGI MEMPERKUKUH SINERGI INSTITUSI-INDUSTRI

Trend Pencapaian:

Tahun	Politeknik				Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan
	Premier / APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	
2023	186	169		60	190	119	73	797
2024	202	168		25	159	98	40	631
2025	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METrO	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	95	46	49	13	112	61	27	294

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

- Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13);
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) - Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti;
- Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030; dan
- Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.

Kaedah Pengukuran:

Pengukuran ini mengambil kira bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi bersama institusi. Setiap industri hanya dikira sekali sahaja bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh institusi berkenaan, walaupun melibatkan pelbagai aktiviti yang berbeza.

Dokumen Bukti:

Laporan pelaksanaan aktiviti kolaborasi impak tinggi.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Ketua Unit Corporate, Industrial Services & Employability Centre (CISEC)

Kolej komuniti: Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni (PPIA)

Pemilik Proses:

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK).

KPI 18 - BILANGAN PROJEK RESEARCH, DEVELOPMENT, INNOVATION, COMMERCIALIZATION AND ECONOMY (RDICE) YANG DIAPLIKASIKAN KEPADA PEMEGANG TARUH

TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Objektif Strategik:

6.1 Memperkasa ekosistem penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi.

Definisi Operasi:

KPI ini diwujudkan bagi menyokong Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025 dan hala tuju terkini jabatan. Institusi POLYCC melaksanakan pendekatan tanggungjawab RDICE dengan tujuan membangunkan ekosistem inovasi berasaskan misi yang menyokong penyelidikan, inovasi yang diaplikasikan, penciptaan ilmu dan pengukuhan modal insan.

Melalui pelaksanaan pelbagai projek penyelidikan dan inovasi di POLYCC, KPI ini memberi penekanan kepada impak sebenar terhadap komuniti dan industri, bukan sekadar hasil penyelidikan semata-mata. Pendekatan ini memperkukuh penggunaan teknologi tempatan, memperluas kolaborasi dengan pemegang taruh untuk mengurangkan kebergantungan terhadap inovasi luar negara. Inisiatif ini turut menyokong hala tuju negara ke arah pembangunan sosioekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi lestari.

Pengukuran sasaran bilangan projek RDICE berdasarkan beberapa aspek utama pencapaian ini termasuk penerbitan kertas penyelidikan, penghasilan produk atau perkhidmatan baharu, pengaplikasian di institusi dan kalangan pemegang taruh. Pengukuran ini melibatkan penerbitan kertas penyelidikan, pemfailan harta intelek dan kolaborasi dalam kalangan pemegang taruh. Data diperoleh melalui dokumen bukti dan dilaporkan secara sukuan.

KPI ini diukur berdasarkan bilangan projek RDICE atau perkhidmatan inovasi yang berjaya dihasilkan dan diaplikasikan kepada pemegang taruh dalam tahun semasa. Beberapa aspek utama pencapaian ini termasuk:

i. Bilangan Kertas Penyelidikan

Kertas penyelidikan yang diterbitkan perlu mengandungi beberapa elemen seperti pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, metodologi, analisis, keputusan, perbincangan dan kesimpulan. Kertas penyelidikan yang diterbitkan juga perlu melalui proses perwasitan (*review*) oleh pakar yang dilantik oleh penerbit.

ii. Penghasilan Produk atau Perkhidmatan Baharu

Produk atau perkhidmatan ini merangkumi bidang seperti Artificial Intelligence (AI), Internet of Things (IoT), Augmented Reality/Virtual Reality (AR/VR), *blockchain*, tenaga boleh diperbaharui, keselamatan siber, serta bahan dan teknologi maju.

KPI 18 - BILANGAN PROJEK RESEARCH, DEVELOPMENT, INNOVATION, COMMERCIALIZATION AND ECONOMY (RDICE) YANG DIAPLIKASIKAN KEPADA PEMEGANG TARUH

iii. Pengaplikasian di Institusi dan Pemegang Taruh

Pengaplikasian merujuk kepada penggunaan hasil penyelidikan dan inovasi institusi dalam konteks sebenar oleh industri, komuniti atau agensi kerajaan. Ia membuktikan keberkesanan inovasi dalam menyelesaikan isu sebenar serta memperkukuh kerjasama strategik antara institusi dan pemegang taruh.

Tujuan pengukuran KPI ini adalah seperti berikut:

- i. Peningkatan impak penyelidikan dan inovasi institusi melalui pengiktirafan, perlindungan harta intelek dan pengaplikasian dalam ekosistem projek RDICE;
- ii. Pembangunan produk atau perkhidmatan berteknologi tinggi membolehkan institusi memenuhi keperluan pasaran semasa dan meningkatkan daya saing;
- iii. Pengaplikasian hasil penyelidikan bersama pemegang taruh pula mengukuhkan kolaborasi strategik serta menyumbang kepada pertumbuhan inovasi dan ekonomi negara; dan
- iv. Mengiktiraf produk dan perkhidmatan pereka cipta yang memberi sumbangan kepada industri, komuniti, institusi dan agensi.

Skop pengukuran merangkumi:

- i. Bilangan kertas penyelidikan penuh yang disediakan oleh Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) politeknik pada tahun semasa yang diterbitkan dalam jurnal berwasit; dan
- ii. Produk inovasi yang diaplikasikan merangkumi pendaftaran atau pemfailan harta intelek, sekurang-kurangnya bagi perlindungan hak cipta (*copyright*), serta penggunaannya di kalangan pemegang taruh sebagai pengiktirafan terhadap hasil kreativiti dan keberkesanan inovasi yang dihasilkan oleh institusi.

Kaedah pengukuran secara umum merujuk kepada setiap projek RDICE institusi boleh merangkumi elemen penerbitan atau produk inovasi dan pengaplikasian hasil penyelidikan bersama pemegang taruh.

KPI 18 - BILANGAN PROJEK RESEARCH, DEVELOPMENT, INNOVATION, COMMERCIALIZATION AND ECONOMY (RDICE) YANG DIAPLIKASIKAN KEPADA PEMEGANG TARUH

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
87	3	2	1	1	1		

Trend Pencapaian:

Tahun	KPI	Politeknik			Kolej Komuniti			Pencapaian Keseluruhan	
		Premier / APACC	Konvensional (Kluster 1 dan Kluster 2)		METRo	Kluster 1	Kluster 2		Kluster 3
2023	Kertas Penyelidikan	564	704		36	229	113	50	1,696
	Inovasi	51	52		5	36			144
2024	Kertas Penyelidikan	807	676		34	293	95	52	1,957
	Inovasi	66	71		7	42	35		221
2025	KPI	APEX/ Premier	Kluster 1	Kluster 2	METRo	Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3	* Pencapaian Keseluruhan
	Kertas Penyelidikan	197	237	149	25	113	56	23	800
	Inovasi	16	19	13	5	14	13	12	92

Nota: * Data pencapaian sehingga 30 September 2025.

Justifikasi:

- Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025), fokus diberikan kepada membangun budaya penyelidikan yang kompetitif dan inovatif dalam kalangan warga kerja dan pelajar.
- Sasaran KPI ini merujuk kepada peningkatan kapasiti institusi dan pensyarah dalam mencapai matlamat yang ditetapkan, bagi memastikan kelestarian penyelidikan serta inovasi yang relevan dengan keperluan industri dan masyarakat.

KPI 18 - BILANGAN PROJEK RESEARCH, DEVELOPMENT, INNOVATION, COMMERCIALIZATION AND ECONOMY (RDICE) YANG DIAPLIKASIKAN KEPADA PEMEGANG TARUH

Kaedah Pengukuran:

Kaedah pengukuran ini merujuk kepada dua (2) item berikut:

- Bilangan kertas penyelidikan penuh yang disediakan oleh PPPT politeknik pada tahun semasa yang diterbitkan dalam jurnal berwasit; dan
- Produk inovasi yang diaplikasikan merangkumi pendaftaran atau pemfailan harta intelek, sekurang-kurangnya bagi perlindungan hak milik, serta penggunaannya di kalangan pemegang taruh sebagai pengiktirafan terhadap hasil kreativiti dan keberkesanan inovasi yang dihasilkan oleh institusi.

Item	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
Item 1	1	1					
item 2	2	1	1	1	1		
Jumlah	3	2	1	1	1		

Dokumen Bukti:

Penerbitan kertas penyelidikan

- Kertas penyelidikan penuh yang diterbitkan pada tahun semasa; dan
 - Muka depan jurnal penyelidikan;
 - Maklumat kertas penyelidikan:
 - Isi kandungan tajuk penyelidikan
 - No. DOI/No. ISBN/e-ISBN/ISSN
 - Pautan URL jurnal
- Pemfailan harta intelek dan surat pengesahan daripada pemegang taruh;
 - Pendaftaran harta intelek pada tahun semasa
 - Notis pemberitahuan/sijil pendaftaran harta intelek/surat perlindungan harta intelek hak cipta/paten/pembaharuan utiliti/reka bentuk perindustrian/cap dagang/*integrated circuit* pada tahun semasa; atau
 - Borang Permohonan CR1 dan resit pembayaran beserta nombor pendaftaran.
 - Bukti surat pengesahan dari pemegang taruh bagi produk/perkhidmatan diaplikasikan pada tahun semasa

Dokumen bukti perlu dimuat naik secara pakej (i+ii) mengikut item sasaran institusi.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK) di POLYCC.

Pemilik Proses:

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI).

KPI 19 - BILANGAN MODUL KURSUS PSH BERSTRUKTUR DIBANGUNKAN OLEH POLYCC

TERAS 7: MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Objektif Strategik:

7.1 Melahirkan komuniti berkemahiran.

Definisi Operasi:

Modul kursus PSH berstruktur adalah program latihan jangka pendek yang dirancang secara sistematik dan mempunyai hasil pembelajaran, tempoh masa (minimum 16 jam), kandungan dan kaedah penilaian yang jelas. KPI ini diwujudkan untuk menyokong Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025 dan hala tuju terkini jabatan dengan tujuan memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat serta memastikan pendidikan dan latihan yang relevan, fleksibel dan berimpak tinggi.

“Kita perlu menyediakan laluan pembelajaran sepanjang hayat dalam apapun kemahiran yang ingin rakyat pelajari, sama ada di universiti, institusi TVET, mahupun kemahiran micro-credentials yang diperlukan”.

Sumber : Petikan Ucapan YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim semasa Majlis Pelancaran Ekonomi Madani:Memperkasa Rakyat di Ibu Pejabat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sasaran:

JPPKK	Politeknik				Kolej Komuniti		
	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
250	3	2	2	1	3	2	1

Trend Pencapaian:

Tiada trend pencapaian kerana KPI baharu.

Justifikasi:

Sasaran ditetapkan berdasarkan kategori POLYCC dan unjuran bahagian sejajar dengan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK) 2018-2025, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), dan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030.

KPI 19 - BILANGAN MODUL KURSUS PSH BERSTRUKTUR DIBANGUNKAN OLEH POLYCC

Kaedah Pengukuran:

Modul yang dibangunkan hendaklah berdasarkan program pengajian sepenuh masa di POLYCC dengan pengesahan badan profesional/badan pentauliah atau industri berkaitan. Modul Kursus PSH berstruktur terdiri daripada:

- i. Modul Kursus Micro-Credentials Stand-Alone (MCSA)
Modul kursus pendek berstruktur dan berfokus kepada penguasaan pengetahuan atau kemahiran tertentu secara fleksibel dengan minimum 40 jam pembelajaran (1 kredit) dan dinilai berdasarkan pencapaian kompetensi tertentu.
- ii. Sijil Kompetensi
Modul kursus jangka pendek yang berfokus kepada penguasaan kemahiran spesifik berdasarkan standard kompetensi yang ditetapkan oleh industri atau agensi berkaitan.

Dokumen Bukti:

- i. Modul kursus PSH berstruktur yang lengkap; dan
- ii. Pengesahan badan profesional/badan pentauliah/industri.

Pautan bagi templat dokumen bukti: <https://shorturl.at/Dscle>

Pelaporan melalui Sistem PERSYST 2.0:

Penyelaras KPI di POLYCC.

Pegawai Bertanggungjawab:

Politeknik: Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan (PLPL)/Penyelaras PSH
Kolej komuniti: Penyelaras PSH

Pemilik Proses:

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK).

WAJARAN

Bil.	Pernyataan KPI	Sasaran	Politeknik				Kolej Komuniti		
			Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
1.	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti	95%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%	7.00%
2.	Peratus pelajar tahun akhir menyertai program intervensi kebolehpasaran graduan	10%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
3.	Bilangan projek keusahawanan pelajar berasaskan penyelesaian masalah komuniti yang menjana peluang perniagaan	100	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	5.00%	5.00%	
4.	Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa	928	5.00%	5.00%	5.00%	5.00%	6.00%	7.00%	7.00%
5.	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik	1,175	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	7.00%	7.00%
6.	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	145	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	7.00%
7.	Bilangan program ke arah kesejahteraan mental dan fizikal warga POLYCC	508	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	7.00%
8.	Skor kualiti data POLYCC	100%	4.00%	4.00%	4.00%	4.00%	4.00%	6.00%	6.00%
9.	Peratus pelajar sepenuh masa mendaftar di kolej komuniti berdasarkan norma ambilan	88%					6.00%	6.00%	6.00%
10.	Peratus enrolmen pelajar politeknik berdasarkan kapasiti	78%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%			
11.	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)	99%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	7.00%

WAJARAN

Bil.	Pernyataan KPI	Sasaran	Politeknik				Kolej Komuniti		
			Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3	Kategori 4	Kategori 1	Kategori 2	Kategori 3
12.	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima	95%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	7.00%
13.	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa	50%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%
14.	Bilangan bahan dan platform pembelajaran digital berteraskan imersif dan AI yang dihasilkan oleh POLYCC	730	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	7.00%
15.	Skor prestasi pencapaian Centre of Technology (COT)	60%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%			
16.	Skor prestasi pencapaian Industry on Campus (IOC)	60%					5.00%	6.00%	6.00%
17.	Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi bagi memperkukuh sinergi institusi-industri	369	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	7.00%	7.00%
18.	Bilangan projek <i>Research, Development, Innovation, Commercialization and Economy</i> (RDICE) yang diaplikasikan kepada pemegang taruh	87	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%		
19.	Bilangan modul kursus PSH berstruktur dibangunkan oleh POLYCC	250	6.00%	6.00%	6.00%	6.00%	7.00%	7.00%	7.00%
Jumlah			100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%

SINGKATAN

Singkatan	Nama Penuh
AI	Kecerdasan Buatan/ <i>Artificial Intelligence</i>
APACC	Asia Pacific Accreditation and Certification Commission
AR	Realiti Terimbuh/ <i>Augmented Reality</i>
ARPA	Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam
BIPD	Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital
BKPK	Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya
BKTVET	Bahagian Koordinasi TVET
BPPI	Bahagian Perancangan Program dan Institusi
CDIO	Conceive Design Implement Operate
CILT	Chartered Institute of Logistics and Transport
COD	Tarikh Akhir/ <i>Cut-off Date</i>
COT	Centre of Technology
CRA	Agenda Pembaharuan Kritikal/ <i>Critical Reform Agenda</i>
EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam
eSPKP	Sistem Pengukuran Kecekapan Prasarana
GE	Kebolehpasaran Graduan/ <i>Graduate Employability</i>
HRDF	Human Resources Development Fund
IAC	Industry Advisory Committee
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi/ <i>Information and Communication Technology</i>
IEC	Industry Education Centre
iGFMS	Integrated Government Financial Management and Accounting System
IMO	International Maritime Organization
IOC	Industry on Campus
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JKIK	Mesyyarat Jawatankuasa Induk Kurikulum Kolej Komuniti
JPk	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KPI	Petunjuk Prestasi Utama/ <i>Key Performance Indicator</i>
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KSU	Ketua Setiausaha

Singkatan	Nama Penuh
LIB	Latihan Industri Berstruktur
LJM	Lembaga Jurutera Malaysia/ <i>Board of Engineers Malaysia</i>
LSI	Latihan Sangkutan Industri
MAMPU	Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit
MCSA	Micro-Credentials Stand Alone
MLK	Mesyyarat Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Latihan Politeknik
MPJPPKK	Mesyyarat Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia/ <i>Malaysian Qualifications Agency</i>
NGO	Non-Government Organization
NIOSH	National Institute for Occupational Safety and Health
OEE	Overall Equipment Efficiency
OKU	Orang Kurang Upaya
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PERSYST	POLYCC Performance System
PIC	Pegawai yang bertanggungjawab/ <i>Person-in-Charge</i>
PISH	Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat
PK&K	Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan
POLYCC	Politeknik dan Kolej Komuniti/ <i>Polytechnic and Community College</i>
PPPM 2015-2025 (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pengajian Tinggi)
PPPT	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PTJ	Pusat Tanggungjawab
RDICE	Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi/ <i>Research, Development, Innovation, Commercialisation and Economy</i>
RMK-13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas (2026-2030)
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan/ <i>Sustainable Development Goals</i>
SPMP	Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional/ <i>Technical and Vocational Education and Training</i>
VR	Realiti Maya/ <i>Virtual Reality</i>
WBL	Pembelajaran Berasaskan Kerja/ <i>Work Based Learning</i>
WKB	Wawasan Kemakmuran Bersama

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Dr. Shamsuri bin Abdullah

PENASIHAT

Ts. Abdul Razak bin Sabtu

PENGERUSI

Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim

TIMBALAN PENGERUSI

Dr. Noorul 'Ain binti Md Shariff

KETUA PENYUNTING & REKA BENTUK

Nur Hafazah binti Sharin

PENYUNTING

Nor Maisarah binti Ali @ Abdul Ali
Nor Adila Hanim binti Ab Kadir
Tracy William Tandang

PEMBACA PRUF

Tracy William Tandang

PENULIS

Nur Sabrina binti Mohd Tahar | Nurzaimawani binti Hussin | Ts. Nor Isman bin Hassan
Shamsanirul Nizam bin Ismail | Madiah binti Paiizi | Mohammad Zahir bin Mohd Yazid
Ts. Fatin Shafinas binti Rokman | Nurain binti Mohamad Izzuan Wong
Nur Syafiqah Zahirah binti Abdul Rahman | Noor Hazimah binti Harun
Nor Akmaliah binti Mohd Zain | Wan Hartiny binti Wan Abdul
Muhammad Kamil Jazli bin Abd Wahab | Mohamad Sahrul Fadzlin bin Mohd Izaharuddin
Muhamad Ali bin Romizan | Azwansyah bin Zulkifli | Norazmira binti Zainuddin
Ts. Kalaivani a/p Ramachandran | Md Idris bin Isa | Nurzaini binti Razali
Khalsa Afariza binti Mohd. Apami@Mohd. Affami
Y.M. Raja Yasmin Solihin binti Raja Azlan Shah | Zaifah binti Che Wil
Ainoor Mahfuzah binti Dato' Ahmad

PENGHARGAAN

Pihak Unit Kecemerlangan Institusi (UKI), Bahagian Governan dan Kecemerlangan JPPKK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang idea serta kepakaran dalam membangunkan Kamus KPI POLYCC 2026. Penghargaan ini ditujukan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan): Tn. Haji Ulaimi bin Yahya

Timbalan Ketua Pengarah (Governan): Ts. Abdul Razak bin Sabtu

Pengarah Kanan (Akademik): Dr. Haji Mohd Daud bin Isa

Pengarah BKTVET: Dr. Zamzam bin Mohd Walid

Pengarah BPPI: En. A. Azman bin Arshad

Pengarah PPI: Dr. Shahiza binti Dato' Haji Ahmad Zainuddin

Pengarah BGK: Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim

Pengarah BKIK: Dr. Riam a/p Chau Mai

Pengarah BK: Pn. Hilmun binti Mohamed

Pengarah BIPD: En. Zaidi bin Othman

Pengarah BPN: Dr. Norhayati binti Ibrahim

Pengarah BAPP: Tn. Haji Azirin bin Abdul Aziz

Pengarah BKP: Tn. Haji Khairil Anuar bin Karim

Timbalan Pengarah PPICT: Ts. Dr. Anuar bin Hassan

Ketua Komunikasi Korporat: En. Abdul Hadi bin Mustaffa

Dr. Hajah Salmi binti Che Meh, Dr. Robert @ Kerk Swee Tian, En. Wan Zulkifly Bin Wan Zakaria, Ts. Shirley anak Phillip, Encik Ahmad Rizal bin Haji Omar, En. Liaw Yin Huat, En. Mohd Faizul bin Ridzuan, En. Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin, En. Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini, En. Mohd Shaifullah bin Mohd Daud, En. Muhammad Idris bin Musa, Dr. Faudzi bin Muhammad, Ts. Dr. Mohd Syahrizad bin Elias, Dr. Asnizah binti Sahekhaini, En. Muhd Zaki bin Mustapha, En. Syahman bin Samsudin @ Murad, Pn. Nor Akmaliah binti Mohd Zain.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada semua yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Kamus KPI POLYCC 2026.

PENGESAHAN

Pengesahan Kamus KPI POLYCC 2026
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

Disediakan oleh:
Unit Kecemerlangan Institusi
Bahagian Governan dan Kecemerlangan

Disemak oleh:



.....
Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim

Pengarah

Bahagian Governan dan Kecemerlangan
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Tarikh: 08/12/2025

Disahkan oleh:



.....
Dr. Shamsuri bin Abdullah

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Tarikh: 08/12/2025



KAMUS KPI POLYCC 2026
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. Putrajaya.
Tel.: 03-8888 2250 | Fax.: 03-8888 7211

POLYCC Performance System 2.0
<https://app.mypolycc.edu.my/persistjppkk>

